



**KESAN MODUL KELOMPOK PSIKOPENDIDIKAN KE ATAS
KESEJAHTERAAN KEWANGAN, EFIKASI PENGURUSAN KEWANGAN
DAN KELANGSUNGAN KERJAYA DALAM KALANGAN
GURU KETERHUTANGAN SERIUS**

Oleh

NORDIANA BINTI ABD RAHIM

**Tesis yang dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah**

Oktober 2022

FPP 2022 74

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, iklan, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya, Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia,

Hak Cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

**KESAN MODUL KELOMPOK PSIKOPENDIDIKAN KE ATAS
KESEJAHTERAAN KEWANGAN, EFIKASI PENGURUSAN KEWANGAN
DAN KELANGSUNGAN KERJAYA DALAM KALANGAN
GURU KETERHUTANGAN SERIUS**

Oleh

NORDIANA BINTI ABD RAHIM

Oktober 2022

Pengerusi : Asmah binti Ismail, PhD
Fakulti : Pengajian Pendidikan

Isu keterhutangan merupakan satu masalah yang serius yang perlu diberi perhatian kepada pengguna dan ekonomi negara terutamanya jika gagal melunaskan hutang tersebut. Ini kerana, perkembangan trend dalam gelagat hidup bermewah yang terus menular akan mengheret individu kepada tabiat berhutang yang buruk serta mendorong kepada berlakunya masalah kewangan yang tenat. Oleh itu, kajian ini bertujuan membina Modul Kelompok Psikopendidikan Teori Kognitif Sosial (MKPPTKS) dan mengenal pasti kesannya bagi meningkatkan kesejahteraan kewangan, efikasi pengurusan kewangan dan kelangsungan kerjaya dalam kalangan guru keterhutangan serius. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian eksperimental tulen di mana sampel dipilih berdasarkan persampelan rawak kluster dan rawak berpasangan. Kumpulan eksperimen telah menjalani intervensi MKPPTKS sebanyak 3 kali dalam tempoh 3 minggu bagi keseluruhan 15 aktiviti yang terdapat di dalam modul. Sebanyak 66 orang responden telah dipilih sebagai sampel kajian di mana 33 orang merupakan kumpulan eksperimen dan 33 orang merupakan kumpulan kawalan. Kumpulan eksperimen telah dibahagikan kepada 3 kumpulan kecil di mana setiap kumpulan telah diberi intervensi MKPPTKS. Kajian ini menggunakan Instrumen Kesejahteraan Kewangan, Instrumen, Efikasi Kendiri dan Instrumen Kerjaya. Namun begitu Instrumen Kerjaya meliputi *Minnesota Satisfaction Questionnaire* (MSQ), *Organizational Commitment Questionnaire* (OCQ) dan *Work Performance Questionnaire* (WPQ) yang telah dialih bahasa dan diadaptasi mengikut norma di Malaysia. Data kajian dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif dan inferensi. Statistik deskriptif digunakan bagi mengenal pasti kesahan dan kebolehpercayaan MKPPTKS manakala statistik inferensi dengan menggunakan ujian ANOVA, ujian T dan ujian ANCOVA bagi menganalisis perbandingan antara pemboleh ubah dan kedua-dua kumpulan eksperimen dan kawalan. Hasil kajian mendapati nilai pekali kebolehpercayaan *Alpha Cronbach* bagi MKPPTKS adalah .912. Ini bermakna, MKPPTKS mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi dan boleh diterima untuk digunakan dalam kajian eksperimen. Selain itu, kajian

mendapati terdapat perbezaan yang signifikan $p = <.05$ antara ujian pra, ujian pos dan ujian susulan antara kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan terhadap pemboleh ubah kesejahteraan kewangan, efikasi pengurusan kewangan dan kelangsungan kerjaya guru keterhutaan serius. Hasil kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan bagi ujian pasca antara kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan bagi ketiga-tiga pemboleh ubah tersebut. Kajian turut mendapati terdapat perbezaan yang signifikan antara ujian pasca dan ujian susulan bagi ketiga-tiga pemboleh ubah. Manakala tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara ujian pasca dan ujian susulan bagi sub skala komitmen dan sub skala prestasi. Pengkaji mencadangkan agar kajian lanjutan dijalankan dengan melaksanakan ujian susulan dalam tempoh 3 bulan ke atas. Selain itu, mengintegrasikan teori-teori kaunseling seperti *Rational Emotive Behaviour Therapy*, *Solution Focus Brief Therapy*, *Realiti* dan lain-lain ke dalam MKPPTKS. Seterusnya, pengkaji menyarankan agar kutipan data secara kualitatif boleh dijalankan agar dapat menyokong dan menguatkan lagi dapatan kajian.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

THE EFFECT OF THE PSYCHOEDUCATION GROUP MODULE ON FINANCIAL WELL-BEING, FINANCIAL MANAGEMENT EFFICIENCY AND CAREER SURVIVAL AMONG TEACHERS WITH SERIOUS DEBT

By

NORDIANA BINTI ABD RAHIM

October 2022

Chairman : Asmah binti Ismail, PhD
Faculty : Educational Studies

The issue of indebtedness is a severe problem that needs to be given attention to consumers and the national economy, particularly if one fails to repay the debt. The evolution of trends in luxury living habits that continue to apply will encourage individuals into bad debt habits and ultimately leads to serious financial problems. Therefore, this study aimed to establish a Social Cognitive Theory's Education Psycho Group Module (MKPPTKS) and identify its impact on improving financial well-being, self-efficacy and career among teachers of serious indebtedness. This analysis employed a pure experimental study design in which samples were selected based on random cluster sampling and paired random sampling. The experimental group underwent the MKPPTKS intervention three times in three weeks for 15 activities found in the module. Sixty-six respondents were selected as a study sample, where 33 were in the experimental group and 33 were in the control group. The experimental group was divided into three small groups, where each group was given the MKPPTKS intervention. This investigation employed the Financial Well-being Instrument, Self-Efficacy Instrument and Career Instrument. Furthermore, the Career Instrument included the Minnesota Satisfaction Questionnaire (MSQ), Organisational Commitment Questionnaire (OCQ) and Work Performance Questionnaire (WPQ), which were translated and adapted according to the norms in Malaysia. The research data were analysed using descriptive and inferential statistics. The researcher utilised descriptive statistics to identify the validity and reliability of MKPPTKS, while inferential statistics using ANOVA tests, t-tests and ANCOVA tests were used to analyse comparisons between variables and both experimental and control groups. The study's outcomes established that Cronbach's Alpha reliability coefficient for MKPPTKS was .912. Thus, it indicates MKPPTKS had high reliability and is acceptable for experimental analyses. In addition, the study substantiated a significant difference $p = <.05$ between the pre-test, post-test and follow-up test between the experimental group and the control group on the variables of financial well-being, financial management efficacy and serious indebtedness teachers' career survival. The

study results signified a significant difference in the post-test between the experimental and control groups for the three variables. The research also verified a substantial difference between the post-test and the follow-up test for all three variables. Furthermore, the data reported no significant difference between the post-test and the follow-up test for the commitment subscale and the performance subscale. The researcher suggested further studies to use other experimental designs, such as the Solomon Four Group Experimental Study design. In addition, prospective examinations may integrate counselling theories such as Rational Emotive Behavior Therapy, Solution Focus Brief Therapy, and Reality into MKPPTKS. Next, the researcher suggested qualitative data collection to support and strengthen the study's conclusions.



PENGHARGAAN

Segala puji bagi ALLAH Tuhan Pentadbir Sekalian Alam, selawat dan salam ke atas junjangan besar Nabi Muhammad s.a.w. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Illahi kerana dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya, akhirnya dapat jua saya menyempurnakan kajian ini sebagai memenuhi syarat penganugerahan Ijazah Doktor Falsafah (Bimbingan dan Kaunseling).

Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga ditujukan khas buat Dr. Asmah Binti Ismail, selaku penyelia kajian serta Dr. Yusni Binti Mohamad Yusop dan Dr. Muhammad Asyraf Bin Che Amat, selaku ahli comitee sepanjang penyediaan kajian ini dibuat. Segala bimbingan, tunjuk ajar, sumbangan, teguran dan nasihat yang diberikan sepanjang tempoh penulisan kajian ini, amat berharga sehingga menjadi pemangkin untuk meningkatkan semangat dan keazaman saya sepanjang proses pelaksanaan kajian ini. Semoga mendapat ganjaran dari Allah S.W.T. Ucapan penghargaan dan terima kasih turut ditujukan kepada pembaca dan pemeriksa dalaman Profesor Madya Dr. Wan Marzuki Bin Wan Jaafar, Profesor Madya Dr. Noor Syamillah Binti Zakaria serta pemeriksa luar Profesor Datin Dr. Sapora Binti Sipon kerana kesudian membimbing dan berkongsi ilmu yang begitu memberi makna kepada insan kerdil seperti saya.

Ucapan terima kasih turut dirakamkan kepada Jabatan Pendidikan Negeri Selangor serta sekolah-sekolah yang terlibat di atas kesudian menghulurkan bantuan semasa proses pengumpulan data dijalankan. Penghargaan diberikan juga kepada semua fasilitator dan urusetia dalam menjayakan program sekaligus menyempurnakan pelaksanaan kajian ini. Tanpa kemurahan hati dan timbang rasa daripada semua, mungkin sukar bagi saya untuk menyiapkan kajian ini dengan jayanya.

Jutaan penghargaan yang khusus dan teristimewa buat suami tercinta Encik Mohd Fazli Bin Wagiran atas pengorbanan, dorongan dan kesabaran sepanjang tempoh perjuangan ini. Istimewa buat permata hati dan penguat semangat Muhamad Aqil Irfan, Muhamad Aryan Irsyad dan Muhamad Afif Isyraf kerana sering memahami liku-liku perjalanan bahkan sentiasa bersabar sepanjang perjalanan mengemudi penghasilan kajian ini. Tidak lupa juga kepada kedua ibu bapa dan adik beradik kerana tidak putus-putus mendoakan serta menyokong sepenuhnya dalam membantu menyempurnakan kajian ini. Akhir sekali, ucapan terima kasih kepada semua rakan-rakan seperjuangan dan semua pihak sama ada yang terlibat secara langsung atau tidak secara langsung dalam membantu menyempurnakan kajian ini. Semoga kita semua bertemu di puncak kecemerlangan, dunia dan akhirat

Sekian Terima Kasih

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Asmah binti Ismail, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Yusni binti Mohamad Yusop, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Muhammad Asyraf bin Che Amat, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ZALILAH MOHD SHARIFF, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 13 April 2023

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperolehi sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis ini telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan : _____

Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik : Nordiana binti Abd Rahim

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi;

Tandatangan: _____
Nama Pengerusi
Jawatankuasa
Penyeliaan: Dr. Asmah binti Ismail

Tandatangan: _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan: Dr. Yusni binti Mohamad Yusop

Tandatangan: _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan: Dr. Muhammad Asyraf bin Che Amat

JADUAL KANDUNGAN

	Muka surat
ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vi
PERAKUAN	viii
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI RAJAH	xvii
SENARAI LAMPIRAN	xviii
SENARAI SINGKATAN	xix
BAB	
1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Pernyataan Masalah	8
1.4 Tujuan Kajian	10
1.5 Objektif Kajian	10
1.5.1 Objektif Umum	10
1.5.2 Objektif Khusus	10
1.6 Persoalan Kajian	11
1.7 Hipotesis Kajian	11
1.8 Definisi Kajian	13
1.8.1 Definisi Konseptual dan Definisi Operasional	13
1.9 Kepentingan Kajian	18
1.10 Batasan Kajian	20
1.11 Rumusan	21
2 KAJIAN LITERATUR	23
2.1 Pengenalan	23
2.2 Kajian Literatur	25
2.2.1 Keberkesanan Kelompok Psikopendidikan	25
2.2.2 Keberkesanan Teori Kognitif Sosial	28
2.2.3 Keterhutangan Serius	31
2.2.4 Kesejahteraan Kewangan	33
2.2.5 Efikasi Pengurusan Kewangan	36
2.2.6 Kelangsungan Kerjaya	38
2.2.7 Hubungan Di Antara Kesejahteraan Kewangan, Efikasi Pengurusan Kewangan dan Kelangsungan Kerjaya	41
2.2.8 Rumusan	44
2.3 Kerangka Konseptual Kajian	45
2.4 Teori/Model Menyokong Kajian	47
2.4.1 Teori Kognitif Sosial (Albert Bandura, 1986)	47

2.4.2	Teori Dua Faktor Herzberg (Herzberg, Mausner Dan Synderman,1959)	50
2.5	Kerangka Teoretikal Kajian	53
2.6	Rumusan	57
3	METODOLOGI KAJIAN	59
3.1	Pengenalan	59
3.2	Reka Bentuk Kajian	59
3.2.1	Fasa 1 : Reka Bentuk Kajian Deskriptif	60
3.2.2	Fasa 2 : Reka Bentuk Kajian Eksperimental Tulen (<i>True Experimental</i>)	60
3.3	Kesahan Eksperimen	63
3.3.1	Kesahan Dalaman	63
3.3.2	Kesahan Luaran	65
3.4	Populasi Dan Persampelan Kajian	65
3.4.1	Fasa 1 : Pembinaan MKPPTKS	66
3.4.2	Fasa 2 : Kesan MKPPTKS	66
3.5	Persampelan	67
3.6	Prosedur Penentuan Sampel Kajian	68
3.6.1	Fasa Pertama: Pemilihan Sampel Melalui Persampelan Rawak Kelompok (<i>Cluster Sampling</i>)	69
3.6.2	Fasa Kedua: Pelaksanaan Ujian Pra	69
3.6.3	Fasa Ketiga: Penganalisan Ujian Pra	69
3.6.4	Fasa Keempat: Teknik Padanan Subjek Kajian Eksperimen (<i>Paired Random Sampling</i>)	70
3.7	Jadual Persampelan	72
3.8	Ciri-Ciri Inklusif dan Eksklusif Pemilihan Sampel Kajian	72
3.9	Responden Kajian	73
3.10	Lokasi Kajian	73
3.11	Instrumen Kajian	73
3.11.1	Bahagian A: Demografi	74
3.11.2	Bahagian B: Instrumen Kesejahteraan Kewangan	74
3.11.3	Bahagian C: Instrumen Efikasi Kendiri	74
3.11.4	Bahagian C: Instrumen Kerjaya	75
3.12	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen	76
3.13	Kajian Rintis – Instrumen Kajian	77
3.14	Proses Pengumpulan Data	78
3.15	Tatacara Penganalisan Data	79
3.15.1	Statistik Deskriptif	80
3.15.2	Statistik Inferensi	80
3.15.3	Analisis Ujian Pra	80
3.15.4	Analisis Ujian Pasca	81
3.15.5	Ujian Susulan	81
3.16	Aras Kesignifikanan	81
3.17	Prosedur Kajian Eksperimen	82
3.17.1	Pembahagian Kumpulan	84
3.18	Rumusan	85

4	PEMBANGUNAN MODUL KELOMPOK PSIKOPENDIDIKAN TEORI KOGNITIF SOSIAL (MKPPTKS)	87
4.1	Pengenalan	87
4.2	Pembangunan Modul	87
4.2.1	Model Pembinaan Modul Sidek	87
4.2.2	Kajian Rintis Modul Kelompok Psikopendidikan Teori Kognitif Sosial	95
4.2.3	Kandungan Modul Kelompok Psikopendidikan Teori Kognitif Sosial (MKPPTKS)	99
4.2.4	Intervensi Melalui Modul Kelompok Psikopendidikan Teori Kognitif Sosial (MKPPTKS)	104
4.3	Rumusan	107
5	DAPATAN KAJIAN	109
5.1	Pengenalan	109
5.2	Statistik Profil Responden Kajian	109
5.3	Kesahan Dan Kebolehpercayaan Mkpptks	112
5.3.1	Dapatan Analisis Kesahan Kandungan MKPPTKS Secara Keseluruhan	112
5.3.2	Dapatan Kesahan Kandungan dan Kebolehpercayaan MKPPTKS Berdasarkan Sub Modul dan Aktiviti	113
5.4	Kesan MKPPTKS Terhadap Pemboleh Ubah Kesejahteraan Kewangan	115
5.4.1	Kesan MKPPTKS Terhadap Pemboleh ubah Kesejahteraan Kewangan (Sub Skala Pengetahuan) Bagi Ujian Pra, Ujian Pasca dan Ujian Susulan	115
5.4.2	Kesan MKPPTKS Bagi Ujian Pasca Terhadap Pemboleh ubah Kesejahteraan Kewangan (Sub Skala Pengetahuan) Antara Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan	118
5.4.3	Kesan MKPPTKS Bagi Ujian Pasca Terhadap Pemboleh ubah Kesejahteraan Kewangan (Sub Skala Pemikiran) Antara Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan	119
5.4.4	Kesan Ketekalan MKPPTKS Bagi Ujian Pasca Dan Ujian Susulan Terhadap Pemboleh Ubah Kesejahteraan Kewangan (Sub Skala Pengetahuan)	120
5.4.5	Kesan Ketekalan MKPPTKS Bagi Ujian Pasca Dan Ujian Susulan Terhadap Pemboleh Ubah Kesejahteraan Kewangan (Sub Skala Pemikiran)	121
5.5	Kesan MKPPTKS Terhadap Pemboleh Ubah Efikasi Pengurusan Kewangan	122
5.5.1	Kesan MKPPTKS Terhadap Pemboleh ubah Efikasi Pengurusan Kewangan (Sub Skala Kawalan, Keyakinan dan Kesediaan) Bagi Ujian Pra, Ujian Pasca dan Ujian Susulan	122
5.5.2	Kesan MKPPTKS Bagi Ujian Pasca Terhadap Pemboleh ubah Efikasi Pengurusan Kewangan (Sub Skala Kawalan, Keyakinan dan Kesediaan) Antara Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan	126

5.5.3	Kesan Ketekalan MKPPTKS Bagi Ujian Pasca Dan Ujian Susulan Terhadap Pemboleh Ubah Efikasi Pengurusan Kewangan (Sub Skala Kawalan, Keyakinan Dan Kesediaan)	127
5.6	Kesan MKPPTKS Terhadap Pemboleh Ubah Kelangsungan Kerjaya	129
5.6.1	Kesan MKPPTKS Terhadap Pemboleh ubah Kelangsungan Kerjaya (Sub Skala Kepuasan, Komitmen dan Prestasi) Bagi Ujian Pra, Ujian Pasca dan Ujian Susulan	129
5.6.2	Kesan MKPPTKS Bagi Ujian Pasca Terhadap Pemboleh ubah Kelangsungan Kerjaya (Sub Skala Kepuasan, Komitmen dan Prestasi) Antara Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan	133
5.6.3	Kesan Ketekalan MKPPTKS Bagi Ujian Pasca Dan Ujian Susulan Terhadap Pemboleh Ubah Kelangsungan Kerjaya (Sub Skala Kepuasan, Komitmen Dan Prestasi)	134
5.7	Rumusan	136
6	PERBINCANGAN, CADANGAN, IMPLIKASI DAN RUMUSAN	140
6.1	Pengenalan	140
6.2	Objektif 1: Membina Modul Kelompok Psikopendidikan Teori Kognitif Sosial (MKPPTKS) Terhadap Guru Keterhutangan Serius	141
6.3	Objektif 2: Mengenal Pasti Kesan Modul Kelompok Psikopendidikan Teori Kognitif Sosial (MKPPTKS) Terhadap Kesejahteraan Kewangan Dalam Kalangan Guru Keterhutangan Serius	143
6.4	Objektif 3: Mengenal Pasti Kesan Modul Kelompok Psikopendidikan Teori Kognitif Sosial (MKPPTKS) Terhadap Efikasi Pengurusan Kewangan Dalam Kalangan Guru Keterhutangan Serius	148
6.5	Objektif 4 : Mengenal Pasti Kesan Modul Kelompok Psikopendidikan Teori Kognitif Sosial (MKPPTKS) Terhadap Kelangsungan Kerjaya Dalam Kalangan Guru Keterhutangan Serius	153
6.6	Sumbangan Kajian	159
6.6.1	Implikasi Teoretikal	159
6.6.2	Implikasi Praktikal	161
6.7	Cadangan Kajian	164
6.8	Penutup	165
	RUJUKAN	166
	LAMPIRAN	186
	BIODATA PELAJAR	413
	SENARAI PERNERBITAN	414

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka surat	
3.1	Reka Bentuk Kajian Ujian Pra, Ujian Pasca dan Ujian Susulan	63
3.2	Kesahan Dalaman	64
3.3	Kesahan Luaran	65
3.4	Analisis Penentuan Persampelan Menggunakan Perisian G*Power (2014-Versi 3.1)	68
3.5	Jadual Penentuan Saiz Sampel Cohen (2001)	72
3.6	Sub Skala Instrumen Kesejahteraan Kewangan	74
3.7	Sub Skala Instrumen Efikasi Kendiri	75
3.8	Jadual Sub Skala Instrumen Kerjaya	76
3.9	Jadual Ringkasan Jenis Instrumen Dan Nilai Kebolehpercayaan Bagi Setiap Instrumen Yang Digunakan	77
3.10	Jadual Nilai Kebolehpercayaan Instrumen Mengikut Sub Skala	78
3.11	Skor Min Ujian Pra Bagi Pemboleh Ubah Kesejahteraan Kewangan, Efikasi Pengurusan Kewangan Dan Kelangsungan Kerjaya Bagi Kumpulan Eksperimen Dan Kumpulan Kawalan	84
3.12	Jenis Penganalisisan Statistik Berdasarkan Hipotesis Kajian	85
4.1	Analisis Dapatan Kajian Keperluan Berdasarkan Soal Selidik	91
4.2	Analisis Dapatan Kajian Keperluan Berdasarkan Temu Bual	92
4.3	Jadual Keseluruhan Modul Kelompok Psikopendidikan Teori Kognitif Sosial	103
5.1	Dapatan Profil Responden Kajian	111
5.2	Kesahan Kandungan Pakar Bagi MKPPTKS	112
5.3	Kesahan Kandungan MKPPTKS	113
5.4	Nilai Kesahan Kandungan Mengikut Sub Modul dan Aktiviti	114
5.5	Nilai ANOVA Menunjukkan Tiada Perbezaan Antara Kumpulan Rawatan Selepas Menerima Intervensi	115
5.6	Nilai Skor Min dan Sisihan Piawai Bagi Pemboleh ubah Kesejahteraan Kewangan (Sub Skala Pengetahuan)	116

5.7	Analisis ANOVA satu hala pengukuran berulang bagi pemboleh ubah kesejahteraan kewangan (sub skala pengetahuan)	117
5.8	Nilai Skor Min dan Sisihan Piawai Bagi Pemboleh ubah Kesejahteraan Kewangan (Sub Skala Pemikiran)	117
5.9	Analisis ANOVA Satu Hala Pengukuran Berulangan Bagi Pemboleh Ubah Kesejahteraan Kewangan (Sub Skala Pemikiran)	118
5.10	Keputusan Analisis Ujian T Sampel Bebas Bagi Ujian Pasca Antara Kumpulan Eksperimen Dengan Kumpulan Kawalan Terhadap Kesejahteraan Kewangan (Sub Skala Pengetahuan)	119
5.11	Keputusan Analisis Ujian T Sampel Bebas Bagi Ujian Pasca Antara Kumpulan Eksperimen Dengan Kumpulan Kawalan Terhadap Kesejahteraan Kewangan (Sub Skala Pemikiran)	120
5.12	Analisis ANCOVA Bagi Perbandingan Antara Ujian Pasca Dan Ujian Susulan Bagi Pemboleh Ubah Kesejahteraan Kewangan (Sub Skala Pengetahuan)	120
5.13	Analisis Post-Hoc Benferroni Perbezaan Min Ujian Pasca Dan Ujian Susulan Bagi Pemboleh Ubah Kesejahteraan Kewangan (Sub Skala Pengetahuan) Antara Kumpulan Eksperimen Dan Kumpulan Kawalan	121
5.14	Analisis ANCOVA Bagi Perbandingan Antara Ujian Pasca Dan Ujian Susulan Bagi Pemboleh Ubah Kesejahteraan Kewangan (Sub Skala Pemikiran)	121
5.15	Analisis Post-Hoc Benferroni Perbezaan Min Ujian Pasca Dan Ujian Susulan Bagi Pemboleh Ubah Kesejahteraan Kewangan (Sub Skala Pemikiran) Antara Kumpulan Eksperimen Dan Kumpulan Kawalan	122
5.16	Nilai Skor Min dan Sisihan Piawai Bagi Pemboleh ubah Efikasi Pengurusan Kewangan (Sub Skala Kawalan, Keyakinan dan Kesediaan)	123
5.17	Analisis ANOVA Satu Hala Pengukuran Berulangan Bagi Pemboleh Ubah Efikasi Pengurusan Kewangan (Sub Skala Kawalan, Keyakinan Dan Kesediaan)	126
5.18	Keputusan Analisis Ujian T Sampel Bebas Bagi Ujian Pasca Antara Kumpulan Eksperimen Dengan Kumpulan Kawalan Terhadap Efikasi Pengurusan Kewangan (Sub Skala Kawalan, Keyakinan Dan Kesediaan)	127
5.19	Analisis ANCOVA Bagi Perbandingan Antara Ujian Pasca Dan Ujian Susulan Bagi Pemboleh Ubah Efikasi Pengurusan Kewangan (Sub Skala Kawalan, Keyakinan Dan Kesediaan)	128

5.20	Analisis Post-Hoc Benferroni Perbezaan Min Ujian Pasca Dan Ujian Susulan Bagi Pemboleh Ubah Efikasi Pengurusan Kewangan (Sub Skala Kawalan, Keyakinan Dan Kesediaan) Antara Kumpulan Eksperimen Dan Kumpulan Kawalan	129
5.21	Nilai Skor Min dan Sisihan Piawai Bagi Pemboleh ubah Kelangsungan Kerjaya (Sub Skala Kepuasan, Komitmen dan Prestasi)	130
5.22	Analisis ANOVA Satu Hala Pengukuran Berulangan Bagi Pemboleh Ubah Kelangsungan Kerjaya (Sub Skala Kepuasan, Komitmen Dan Kesediaan)	133
5.23	Keputusan Analisis Ujian T Sampel Bebas Bagi Ujian Pasca Antara Kumpulan Eksperimen Dengan Kumpulan Kawalan Terhadap Kelangsungan Kerjaya (Sub Skala Kepuasan, Komitmen Dan Prestasi)	134
5.24	Analisis ANCOVA Bagi Perbandingan Antara Ujian Pasca Dan Ujian Susulan Bagi Pemboleh Ubah Kelangsungan Kerjaya (Sub Skala Kepuasan, Komitmen Dan Prestasi)	135
5.25	Analisis Post-Hoc Benferroni Perbezaan Min Ujian Pasca Dan Ujian Susulan Bagi Pemboleh Ubah Kelangsungan Kerjaya (Sub Skala Kepuasan, Komitmen Dan Prestasi) Antara Kumpulan Eksperimen Dan Kumpulan Kawalan	136
5.26	Ringkasan Keputusan Kajian Berdasarkan Objektif dan Hipotesis Kajian	137

SENARAI RAJAH

Rajah		Muka surat
2.1	Sub Topik Bab 2	24
2.2	Kerangka Konseptual Kajian	46
2.3	Model Triadic Reciprocal Determinism	49
2.4	Kerangka Teoretikal Kajian	57
3.1	Carta Aliran Pemilihan Populasi, Sampel Dan Subjek Kajian Eksperimen	71
3.2	Prosedur Pelaksanaan Modul Kelompok Psikopendidikan Teori Kognitif Sosial Terhadap Kesejahteraan Kewangan, Efikasi Pengurusan Kewangan dan Kelangsungan Kerjaya Dalam Kalangan Guru Keterhutangan Serius	83
4.1	Model Pembinaan Modul Sidek (MPMS)	89
4.2	Kerangka Teoretikal Modul	100
4.3	Model Triadic Reciprocal Determinism Hubungan Antara Individu (Kognitif), Tingkah Laku Dan Persekitaran	106
4.4	Gambar Rajah Hubungan Antara Faktor Individu/Kognitif, Faktor Tingkah Laku Dan Faktor Persekitaran	107
5.1	Nilai Skor Min Bagi Pemboleh ubah Kesejahteraan Kewangan (Sub Skala Pengetahuan)	116
5.2	Nilai Skor Min Bagi Pemboleh ubah Kesejahteraan Kewangan (Sub Skala Pemikiran)	118
5.3	Nilai Skor Min Bagi Pemboleh ubah Efikasi Pengurusan Kewangan	124
5.4	Nilai Skor Min Bagi Sub Skala Kawalan	124
5.5	Nilai Skor Min Bagi Sub Skala Keyakinan	125
5.6	Nilai Skor Min Bagi Sub Skala Kesediaan	125
5.7	Nilai Skor Min Bagi Pemboleh ubah Kelangsungan Kerjaya	131
5.8	Nilai Skor Min Bagi Sub Skala Kepuasan	131
5.9	Nilai Skor Min Bagi Sub Skala Komitmen	132
5.10	Nilai Skor Min Bagi Sub Skala Prestasi	132

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran	Muka surat
A Modul Kelompok Psikopendidikan Teori Kognitif Sosial	186
B Analisis Keperluan	255
C Surat Lantikan Pakar Penilai Modul	269
D Borang Penilaian Pakar Kesahan Modul	277
E Borang Penilaian Kebolehpercayaan Modul	283
F Instrumen Kesejahteraan Kewangan	314
G Instrumen Efikasi Kendiri	326
H Instrumen Kerjaya	332
I Surat Kebenaran Instrumen	344
J Soal Selidik Kajian Rintis	347
K Surat Kebenaran daripada EPRD	362
L Surat Menjalankan Program Rintis dari JPWP Kuala Lumpur	364
M Surat Menjalankan Program Sebenar Dari JPN Selangor -UjianPra -UjianPasca -Ujian Susulan	366
N Surat Pelantikan Fasilitator Dan Urusetia	393
O Surat Bengkel <i>Training of Trainers</i> (TOT)	395
P Surat Program Kewangan dan Kerjaya -Kumpulan 1 -Kumpulan 2 -Kumpulan 3	397
Q Surat dan Sijil Pembuktian Pembaca Pruf	409

SENARAI SINGKATAN

KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
MPT	Majlis Pengurusan Tertinggi
BNM	Bank Negara Malaysia
AKPK	Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit
IPT	Institut Pengajian Tinggi
PKP	Pengurusan Kewangan Peribadi
KDN	Kementerian Dalam Negeri
MKPPTKS	Modul Kelompok Psikopendidikan Teori Kognitif Sosial
IKK	Instrumen Kesejahteraan Kewangan
CCRC	Institute Pemulihan <i>Cure and Care Rehabilitation Centre</i>
TTM	<i>Transtheoretical Model of Behavioral Chane</i>
SoCS	Skala Tahap-Tahap Perubahan
SES	Skala Keupayaan Kendiri
BDS	Skala Perimbangan Keputusan
KK	Kumpulan Kawalan
KE	Kumpulan Eksperimen
KEB	Kumpulan Eksperimen Besar
KEK	Kumpulan Eksperimen Kecil
CTI	<i>Career Thoughts Inventory</i>
CDSE-SF	<i>Career Decision Self-Efficacy</i>
TKS	Teori Kognitif Sosial
MSQ	<i>Minnesota Satisfaction Questionnaire</i>
OCQ	<i>Organizational Commitment Questionnaire</i>
WPQ	<i>Work Performance Questionnaire</i>
SPSS	<i>Statistical Packages For The Social Sciences</i>

MPMS	Model Pembinaan Modul Sidek
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
TOT	<i>Training Of Trainers</i>
MTDR	<i>Model Triadic Reciprocal Determinism</i>
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bab ini akan menjelaskan tajuk-tajuk penting berkaitan isu keterhutangan serius dalam kalangan guru-guru. Selain itu, ia juga akan membincangkan latar belakang dan pernyataan masalah yang mewujudkan keperluan yang signifikan untuk membangunkan kajian intervensi Modul Kelompok Psikopendidikan Teori Kognitif Sosial (MKPPTKS) terhadap guru-guru yang mengalami keterhutangan serius. Pembinaan modul ini dibentuk berdasarkan aspek kesejahteraan kewangan, efikasi sendiri dan kerjaya bagi memastikan intervensi yang dijalankan benar-benar menjurus kepada objektif kajian yang dimaksudkan melalui pendekatan teori kognitif dan tingkah laku. Seterusnya, tujuan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, hipotesis kajian, definisi pemboleh ubah, kepentingan kajian, batasan kajian dan rumusan turut dibincangkan dalam bab ini. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk memberi penekanan tentang keperluan pembinaan modul intervensi melalui modul kelompok psikopendidikan bimbingan dan kaunseling ke atas guru-guru yang mengalami keterhutangan serius.

Guru merupakan aset utama negara. Guru berperanan sebagai asas utama dalam dunia pendidikan kerana mereka adalah agen yang akan melengkapkan sebahagian dasar dan matlamat kurikulum yang ditentukan oleh pihak kerajaan. Justeru, kualiti yang ada pada guru akan menentukan penyampaian pengajaran dan pembelajaran adalah lebih baik (Ahmad, Sho, Wahid & Yusof, 2019). Dalam pada itu, kewujudan guru akan melahirkan aset-aset harapan yang bakal menerajui kepimpinan dan pembangunan sesebuah negara. Selain itu, guru berperanan untuk membekalkan ilmu pengetahuan kepada murid bagi memastikan mereka lebih bersedia, mampu bersaing dan dapat membangunkan diri sesuai dengan keperluan masa kini.

Di Malaysia, peranan guru dipandang tinggi oleh setiap lapisan masyarakat kerana profesion keguruan membantu meningkatkan kualiti pendidikan di samping mewujudkan persekitaran sekolah yang dinamik (Hassan & Musa, 2020). Peranan dan sumbangan guru boleh melahirkan generasi yang mampu membangunkan dan menyejahterakan negara dalam aspek sosial, ekonomi dan politik. Sehubungan itu, guru perlu menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan secara optimum bagi memastikan pencapaian holistik dapat dicapai. Dunia pendidikan menjadi pemacu dalam membentuk insaniah yang berdaya saing, kreatif dan inovatif menjelang Wawasan 2020. Justeru, ia bukan sekadar membabitkan kepentingan tanggungjawab guru untuk mengajar ilmu pengetahuan dan kemahiran, malahan ia turut melibatkan kepentingan keperibadian guru dalam menyampaikan ilmu kepada murid (Solahudin, 2018). Menggalas tanggungjawab sebagai seorang guru bukan sesuatu yang mudah kerana guru perlu mendepani pelbagai cabaran, termasuk cabaran ekonomi. Oleh yang demikian, guru perlu mampu memberikan contoh teladan yang baik menerusi ilmu pengetahuan yang disampaikan kepada murid dan pelbagai aspek lain, termasuk faktor peribadi, kerjaya, keluarga dan kewangan.

Pada tahun 2018, meskipun momentum pertumbuhan ekonomi Malaysia diramalkan kekal kukuh pada kadar 4.3% hingga 4.8%, berlaku penurunan drastik kepada 4.4% disebabkan persekitaran global yang mencabar. Hal ini berlarutan sehingga tahun 2019. Ia memberi kesan kepada pelbagai pihak, termasuk institusi perbankan yang perlu memastikan sistem kewangan terus menyokong ekonomi supaya berfungsi dengan berkesan. Institusi perbankan melancarkan pelbagai inisiatif untuk memperkasa dan meningkatkan tahap literasi kewangan pengguna melalui pengetahuan dan kemahiran pengurusan kewangan. Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan 2019-2023 merupakan antara inisiatif yang dilancarkan bagi meningkatkan tahap literasi kewangan dan kesejahteraan rakyat Malaysia (Bank Negara Malaysia, 2019).

Senario pasaran ekonomi yang tidak menentu turut menjejaskan persekitaran kewangan sehingga membawa kepada masalah hutang yang serius sekali gus menjejaskan kesejahteraan kewangan. Oleh hal yang demikian, sebagai penjawat awam, kerjaya guru juga tidak terlepas daripada dibelenggu isu hutang kerana ia dilihat mempunyai keistimewaan dan peluang yang besar untuk mendapat kemudahan pinjaman wang dan penggunaan kad kredit. Tambahan pula, terdapat banyak kemudahan pembiayaan dan pinjaman wang yang ditawarkan oleh institusi-institusi kewangan di seluruh negara (Yahya, 2018). Ramai termasuk dalam kalangan guru yang terperangkap dalam masalah hutang yang membebankan apabila mereka tanpa sedar telah mencapai had maksimum penggunaan kemudahan pembiayaan, pinjaman dan kad kredit bagi memenuhi kehendak yang melebihi daripada keperluan mereka. Natiujahnya, keterhutangan ini akan memberi impak negatif sekiranya ia gagal dikawal dan ditangani. Seterusnya, ia akan menyumbang kepada masalah untuk membuat bayaran balik hutang dan akhirnya akan turut menjejaskan kesejahteraan kewangan.

Isu keterhutangan merupakan masalah serius yang perlu diambil perhatian dan tindakan, terutamanya bagi individu yang gagal membayar balik hutang mereka berserta faedah yang dikenakan. Salah satu faktor penyumbang kepada isu keterhutangan ini ialah kesan pengaruh gaya hidup yang inginkan kemewahan dan di luar kemampuan sehingga menyebabkan individu terjerumus ke dalam budaya suka berhutang dan akhirnya membawa kepada peningkatan masalah kewangan (Azmi, Hasan, Duerama, Othman & Aripin, 2021). Oleh yang demikian, individu itu perlu bijak dan bertanggungjawab untuk meluaskan hutang secara sistematik berdasarkan pada tempoh yang telah ditetapkan agar ia tidak meninggalkan kesan negatif serta dapat mengekalkan kesejahteraan kewangan sekali gus meningkatkan efikasi pengurusan kewangan dan kelangsungan kerjaya individu, sebagaimana firman Allah S.W.T dalam Surah Al-Baqarah (2:283) yang bermaksud :

“Jika kamu berada dalam musafir (lalu kamu berhutang atau memberi hutang yang bertempoh), sedang kamu tidak mendapati jurutulis, maka hendaklah diadakan barang gadaian untuk dipegang (oleh orang yang memberi hutang). Kemudian kalau yang memberi hutang percaya kepada yang berhutang (dengan tidak payah bersurat, saksi dan barang gadaian), maka hendaklah orang (yang berhutang) yang dipercayai itu menyempurnakan bayaran hutang yang diamanahkan kepadanya, dan hendaklah ia bertaqwa kepada Allah Tuhannya. Dan janganlah kamu (wahai orang-orang yang menjadi saksi) menyembunyikan perkara yang dipersaksikan itu, dan sesiapa yang menyembunyikannya, maka sesungguhnya

ia adalah orang yang berdosa hatinya. Dan (ingatlah), Allah sentiasa Mengetahui akan apa yang kamu kerjakan". (Q.S Al-Baqarah 2:283).

Guru-guru yang tidak sejahtera kewangan perlu dibantu bagi memastikan keadaan ini dapat dikawal di peringkat awal. Sebagai contoh, mereka boleh dibantu untuk mendapatkan bimbingan dan kaunseling, khususnya daripada aspek kesejahteraan kewangan, efikasi pengurusan kewangan dan kelangsungan kerjaya, melalui intervensi seperti penggunaan MKPPTKS bersesuaian yang diaplikasikan dalam program-program yang dijalankan terhadap mereka. Perkhidmatan bimbingan dan kaunseling sangat sinonim dengan golongan remaja, terutamanya di sekolah. Walau bagaimanapun, perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di organisasi kurang diberi perhatian lebih-lebih lagi dalam kalangan guru. Justeru, kaunselor pendidikan berperanan untuk mengambil inisiatif bagi memastikan golongan ini diberi panduan sehingga mereka mampu mengaplikasikan efikasi pengurusan kewangan dengan menyesuaikan diri apabila berhutang sekali gus memperoleh kesejahteraan kewangan tanpa menjejaskan kelangsungan kerjaya mereka.

1.2 Latar Belakang Kajian

Media massa hari ini sering memaparkan isu dan masalah keterhutangan yang serius sehingga ia menjadi topik hangat dalam kalangan masyarakat setempat. Hal ini telah membuka mata pihak kerajaan untuk memberi perhatian yang lebih serius kerana masalah hutang akan menyebabkan tekanan dan mempengaruhi kesejahteraan kewangan individu (Abdullah, Fazli & Muhammad Arif, 2019). Merujuk kepada Peraturan 13, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993, ungkapan 'keterhutangan kewangan yang serius' bermaksud "keadaan keterhutangan seseorang pegawai yang, mengambil kira amaun hutang yang ditanggung olehnya, telah sebenarnya menyebabkan kesusahan kewangan yang serius terhadap dirinya". Dengan kata lain, ia merujuk kepada ketidakmampuan untuk membayar semula mengikut tempoh yang telah ditetapkan sehingga menjejaskan kesejahteraan kewangan daripada aspek pengetahuan, pemikiran, tingkah laku dan emosi akibat berhutang.

Rakyat Malaysia berasa sukar untuk hidup mengikut kemampuan kerana mereka mudah terpengaruh dengan budaya pengguna masa kini. Selain itu, kemudahan kredit yang tersedia dan pengaruh iklan turut merangsang mereka untuk terus membeli. Ia menyukarkan pengguna untuk mengelakkan diri daripada terjebak dengan budaya berhutang. Mereka suka menunjuk-nunjuk barangan yang dibeli dan cenderung untuk berbelanja mewah bagi sesuatu acara atau majlis untuk mengelakkan rasa malu (Zin, Ibrahim & Sulaiman, 2018). Keperluan dan kehendak yang tidak terkawal ini mendorong kepada pertambahan kes-kes muflis pada tahap yang membimbangkan (Azmi et al., 2021). Akibatnya, mereka terjerumus ke dalam masalah kewangan sehingga menjejaskan peribadi, kerjaya dan kehidupan mereka.

Keterhutangan yang serius merupakan satu fenomena yang amat membimbangkan kerana ia membabitkan pelbagai pihak, termasuk golongan penjawat awam. Penjawat awam perlu mengambil peduli dan memandang serius hal ini kerana bebanan hutang

akan memberi kesan terhadap prestasi mereka sekali gus boleh dikenakan tindakan tatatertib. Prestasi yang ditunjukkan oleh kakitangan akan memberi kesan kepada tugas utama mereka dan, pada masa yang sama, ia turut menentukan kejayaan organisasi mereka. Peningkatan beban hutang memberi kesan yang negatif kepada ekonomi (Keshmeer, 2021). Masyarakat dan kumpulan sosioekonomi akan turut menerima kesan kerana sebahagian besar daripada pendapatan akan digunakan untuk membayar hutang (Ismail, Amin, Shayeri & Hashim, 2014). Justeru, pada tahun 2000, Jabatan Perkhidmatan Awam telah mengeluarkan surat pekeliling mengenai peraturan larangan meminjam wang dan berada dalam keterhutangan yang serius ke atas pegawai awam (Surat Siaran JPA, 1 Ogos 2000). Surat pekeliling tersebut diberikan kepada semua ketua jabatan agar mereka dapat memastikan bahawa pendapatan bersih pegawai adalah tidak kurang daripada 40% emolumen bulanan supaya tidak tergolong dalam keterhutangan yang serius.

Mengambil serius terhadap isu keterhutangan daripada terus berlaku, pada tahun 2005, Jabatan Perkhidmatan Awam mengeluarkan surat siaran berkaitan peraturan larangan meminjam wang dan berada dalam keterhutangan yang serius ke atas pegawai awam (Surat Siaran JPA, 28 Disember 2005). Peraturan 13, Perlembagaan Persekutuan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 menyatakan bahawa seseorang pegawai awam tidak boleh dengan apa-apa cara menyebabkan dirinya berada dalam keterhutangan kewangan yang serius. Seseorang pegawai hendaklah disifatkan sebagai berada dalam keterhutangan kewangan yang serius jika agregat hutang dan nilai tanggungan tidak bercagarnya pada bila-bila masa tertentu melebihi sepuluh (10) kali emolumen bulannya. Manakala dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil 7 dan 8 (1993), Bil 10 (1994), Bil 4 (2012) turut menyatakan bahawa jumlah semua ansuran bulanan bagi pinjaman kenderaan, perumahan dan komputer hendaklah tidak melebihi 60% daripada gaji pokok. Ia jelas menunjukkan bahawa tindakan tatatertib akan dikenakan ke atas mereka sekiranya peraturan dan pekeliling ini tidak dipatuhi. Oleh hal yang demikian, tindakan yang sewajarnya perlu diambil bagi menangani isu keterhutangan ini dengan lebih berhemah. Walaupun masih tiada tindakan tatatertib yang dikenakan, namun pengeluaran surat siaran sebanyak dua (2) kali sudah cukup menjelaskan betapa pentingnya bagi pegawai awam untuk tidak membiarkan diri mereka tergolong dalam keterhutangan yang serius.

Pekeliling dan peraturan tersebut ditujukan kepada semua Jabatan Perkhidmatan Awam, termasuk Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang sebahagian daripada warganya terdiri daripada guru-guru yang menyumbang komitmen ke arah pendidikan yang berkualiti (Abdullah, 2021). Isu keterhutangan di peringkat KPM turut berlaku dan ia menjadi isu yang serius dan perlu di beri perhatian. Hal ini dibuktikan apabila, pada tahun 2018, KPM telah mengeluarkan data yang menunjukkan bahawa seramai 26,258 orang warga KPM di seluruh Malaysia telah mengalami keterhutangan yang serius dengan 22,581 daripadanya adalah dalam kalangan guru (Minit MPT, 12 April 2017). Justeru, perkara ini tidak boleh dianggap remeh dan perlu diambil serius bagi memastikan ia tidak menjejaskan kelangsungan kerjaya warga KPM, terutamanya dalam kalangan guru.

Selain itu, kesan perubahan gaya hidup dan pertambahan kos sara hidup di samping cara perbelanjaan dalam kalangan penduduk di Malaysia membawa kepada

peningkatan data keterhutangan yang serius dan ia sangat mempengaruhi kesejahteraan kewangan individu. Para guru yang ingin mencapai kesejahteraan kewangan perlu memastikan masalah keterhutangan tidak menjejaskan peribadi dan kerjaya mereka seperti yang dinyatakan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) (2013-2025) dalam gelombang 3 (2021-2025) bahawa semua sekolah, guru dan pengetua/guru besar perlu menunjukkan prestasi melebihi standard minimum. Sehubungan itu, pihak KPM memandang serius isu keterhutangan ini dan mahu ia diatasi segera dengan mewujudkan alternatif penyelesaian yang khusus berasaskan keperluan seperti yang disarankan dalam anjakan enam PPPM 2013-2025. Institusi pendidikan bukan sahaja bertujuan untuk menghasilkan modal insan yang berkerjaya malahan ia juga berhasrat untuk mendidik rakyat supaya lebih bertanggungjawab dan berkebolehan dalam menyejahterakan diri sebagaimana yang termaktub dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1996).

Penelitian terhadap kajian terdahulu menunjukkan bahawa terdapat isu-isu kesejahteraan kewangan yang sukar dicapai apabila dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti kurang peluang pekerjaan, ketidakstabilan pendapatan, kuasa beli yang mencabar, tahap pengetahuan yang rendah dan tekanan kewangan yang dihadapi (Ali, Ismail, Suradi, Mustafa & Ismail, 2021). Kajian yang dijalankan oleh Surendar dan Sarma (2018) mendapati bahawa tahap pengetahuan dan celik kewangan guru berada pada tahap memuaskan. Jika tidak diatasi, ia dikhuatiri akan memberi kesan buruk terhadap kehidupan harian sekali gus mempengaruhi kepuasan kerja mereka. Manakala kajian yang dijalankan oleh Norazmi (2020) pula mendapati bahawa terdapat hubungan antara kewangan dan kepuasan kerja guru, iaitu keperluan kewangan adalah sangat penting dalam mencapai kepuasan bekerja. Dapatan kajian ada menunjukkan bahawa masalah kewangan individu berkait rapat dengan penggunaan kad kredit yang berlebihan (Alwi, Abdullah & Luqman, 2022) dan kerap membuat pinjaman peribadi (Yahya, Mazlan & Hasan, 2020). Justeru, muflis, hutang, tahap simpanan yang rendah dan wang tidak mencukupi semasa persaraan (Blemin, 2018) merupakan antara faktor penyumbang kepada masalah kewangan.

Menurut Ngadiman, Rahim, Yacoob & Wahid (2018), salah satu faktor yang menyebabkan keterhutangan ialah membelanjakan wang untuk kehendak semata-mata dan bukan untuk keperluan asas. Oleh itu, individu dinasihatkan untuk tidak berbelanja melebihi kemampuan bagi memastikan mereka tidak dibebani hutang yang boleh menjejaskan keharmonian hidup (Abd Rahman & Sarib, 2020). Ada kalanya perbelanjaan yang melampaui kemampuan kewangan yang berasaskan gerak hati secara tiba-tiba dan serta-merta tanpa niat untuk pembelian tertentu juga merupakan situasi di luar kawalan yang menyebabkan kegagalan untuk menjelaskan hutang (Nor Azman, 2017). Hal ini disebabkan oleh pengurusan kewangan yang tidak sihat dan akan menyebabkan individu sering berasa tertekan dan terganggu sehingga menjejaskan kecekapan di tempat kerja (Sabri, Wijekoon & Rahim, 2020). Hutang sering kali dianggap sebagai sesuatu yang membebankan, namun, jika hutang dapat diselenggarakan dan diuruskan dengan baik, ia akan membantu seseorang itu untuk bebas daripada masalah kewangan dan belenggu hutang (Azmi et al., 2021).

Peningkatan tahap taraf hidup, tabiat gaya hidup yang tidak menentu, komitmen yang pelbagai dan turun naik tahap tekanan boleh memberi impak bukan sahaja terhadap

kesejahteraan kewangan individu tetapi juga dalam kalangan pekerja secara amnya. Di samping itu, kesejahteraan kewangan mempunyai hubungan yang signifikan dengan efikasi sendiri kewangan dalam menentukan pemilihan kerjaya (Dickson, Mulligan & DeVahl, 2020). Pembangunan pendidikan yang lebih terarah dan berkualiti memberi kesan yang sangat besar terhadap prestasi kerjaya bagi memastikan kejayaan sesebuah negara yang maju. Dalam konteks sekolah, terdapat perkaitan antara efikasi sendiri dan prestasi kerja guru, iaitu guru yang mempunyai efikasi sendiri akan memberi impak terhadap kecemerlangan di tempat kerja (Dasan & Nawati, 2020). Menurut Jabatan Insolvensi Malaysia (2021), jumlah kes kebangkrutan yang direkodkan bagi tempoh 2017 hingga Disember 2021 ialah sebanyak 61,665 kes. Tahun 2020 mencatatkan jumlah kes sebanyak 8,352 kes, manakala tahun 2021 pula sebanyak 6,554 kes. Walaupun terdapat penurunan dalam jumlah kes, ia masih menunjukkan kewujudan kes kebangkrutan di Malaysia. Syah, Sha'ari, Nasir dan Razaki (2022) menyatakan bahawa mereka yang terlibat dalam kebangkrutan adalah disebabkan oleh kerapnya berhutang, kurangnya pengetahuan tentang pengurusan kewangan dan pengaruh persekitaran. Oleh itu, pengetahuan tentang kewangan perlu berada pada tahap yang tinggi di samping perlu bijak dalam menguruskan kewangan bagi memastikan keadaan kewangan yang stabil dan teratur sekali gus mengelakkan diri daripada terjerumus ke dalam kebangkrutan (Sepeai & Ramli, 2019).

Menurut Kamaluddin, Nasir, Sulaiman, Hafidz, Abdullah, Khairudin dan Zamani (2018), kesejahteraan kewangan mempunyai perkaitan dengan gaya hidup dan keselesaan seseorang. Ketegangan kewangan yang dihadapi oleh seseorang itu turut menyumbang kepada kesejahteraan kewangan yang rendah (Sabri, Abdullah, Mogs Dass & Jusoh, 2018). Penyelidik memfokuskan aspek kesejahteraan kewangan, efikasi pengurusan kewangan dan kesannya terhadap kelangsungan kerjaya guru. Walau bagaimanapun intervensi yang dilaksanakan tidak tersasar daripada landasan yang diperlukan. Para sarjana telah mengambil serius tentang konsep kesejahteraan kewangan sejak beberapa dekad yang lalu. Peningkatan hutang boleh menyebabkan kegawatan ekonomi yang tinggi kerana jumlah pelabur luar yang semakin berkurangan (Luvithaa, 2019). Dengan erti kata lain, kesejahteraan kewangan sukar dicapai apabila berlakunya krisis kewangan yang mencabar seperti isu keterhutangan sekali gus ketidakmampuan dalam menguruskan kewangan dengan baik. Ia turut dikaitkan dengan efikasi pengurusan kewangan individu, iaitu ketidakupayaan dalam membuat keputusan sehingga terjebak dengan keterhutangan yang serius dan, seterusnya, menyebabkan kepincangan terhadap kelangsungan kerjaya. Kajian yang dijalankan oleh Othman, Rahim dan Ghani (2020) mendapati bahawa masalah kewangan yang dihadapi oleh penjawat awam akan mengganggu prestasi kerja mereka.

Kesejahteraan kewangan boleh mempengaruhi keseimbangan seseorang dalam mengawal pengurusan kewangan dan kerjaya secara berhemah. Sebagai contoh, guru memiliki keupayaan dan kebolehan dalam melaksanakan tugas dengan lebih cemerlang (Lok, Rahman & Surat, 2022) kerana mereka merupakan asas utama yang ditugaskan sepanjang proses pencerapan dan penyampaian ilmu kepada anak bangsa. Oleh yang demikian, tahap kesejahteraan kewangan, efikasi pengurusan kewangan dan kelangsungan kerjaya dalam kalangan mereka perlu diberi perhatian. Selain itu, efikasi pengurusan kewangan boleh mempengaruhi dan menentukan keputusan dalam menghadapi masalah kewangan (Noor, Batool & Arshad, 2020).

Menurut Ishak & Rusman (2018), antara faktor yang mempengaruhi prestasi kerja guru di sekolah ialah pendapatan atau gaji yang diterima. Kebanyakan guru hanya bergantung kepada sumber pendapatan semata-mata. Kesejahteraan kewangan guru, terutamanya guru-guru yang baharu memasuki alam kerjaya, turut terjejas disebabkan pendapatan mereka yang relatif rendah dan komitmen kewangan yang tinggi. Walau bagaimanapun, ia turut berlaku kerana sikap dan tingkah laku kewangan yang lemah di samping efikasi pengurusan kewangan yang rendah. Guru baharu lazimnya tidak mempunyai pengalaman dalam selok-belok kehidupan sebagai seorang guru dan mereka tidak mempunyai perancangan kewangan sehingga sukar membelanjakan wang mengikut kemampuan. Oleh itu, guru-guru perlu bijak dalam menguruskan kewangan mereka bagi memastikan mereka tidak terjerumus ke dalam masalah keterhutangan yang serius kerana ia akan memberi kesan terhadap kelangsungan kerjaya mereka. Sehubungan itu, berdasarkan persoalan ini, terdapat keperluan untuk mewujudkan intervensi yang sesuai seperti pembinaan Modul Kelompok Psiko Pendidikan Teori Kognitif Sosial (MKPPTKS) bagi memastikan mereka tidak terdedah kepada isu keterhutangan yang serius sehingga menjejaskan kerjaya mereka walaupun mereka perlu berhutang untuk memenuhi keperluan hidup seperti memiliki kenderaan, tempat tinggal mahupun bercuti.

Salah satu usaha untuk mengatasi masalah keterhutangan ini ialah dengan menyediakan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling melalui kelompok bimbingan kerana ia merupakan pendekatan alternatif dalam proses menolong. Ia juga dikenali sebagai kelompok psikopendidikan (Gladding, 2018). Justeru, pendekatan ini merupakan satu alternatif yang boleh membantu menyelesaikan masalah ketidaksejahteraan kewangan ini. Walaupun bukan semua masalah dapat diselesaikan, pendedahan terhadap perkhidmatan ini secara langsung dan tidak langsung dilihat boleh membantu mengurangkan keseriusan isu ini. Kelompok psikopendidikan merupakan intervensi yang digunakan untuk meningkatkan kesedaran dan perkembangan diri individu secara berterusan (Corey, 2018).

Kajian ini memfokuskan guru-guru yang mengalami keterhutangan yang serius. Oleh yang demikian, pengkaji menjalankan intervensi yang berfokuskan kewangan, efikasi pengurusan kewangan dan kelangsungan kerjaya melalui modul kelompok psikopendidikan dengan menggunakan pendekatan kognitif dan tingkah laku. Kebiasaannya, fokus kelompok ialah untuk membantu ahli yang menghadapi masalah penyesuaian diri dan perkembangan diri seperti tingkah laku, perhubungan, sikap, nilai, kerjaya dan membuat keputusan dalam hidup (Gibson & Mitchell, 2008). Justeru, pengkaji menggunakan intervensi MKPPTKS terhadap guru-guru yang mengalami isu keterhutangan yang serius. Bagi mencapai matlamat ini, pengkaji akan menggunakan soal selidik yang bersesuaian untuk membina modul dan, seterusnya, melihat kesan modul tersebut sebagai intervensi melalui ujian pra, ujian pasca dan ujian susulan berdasarkan objektif kajian.

1.3 Pernyataan Masalah

Hutang merupakan sesuatu yang sukar untuk dielakkan, terutamanya pada masa kini (Omar, Ishak & Jusoh, 2020). Tambahan pula, individu berhutang disebabkan oleh dorongan motivasi yang terdapat dalam dirinya sendiri (Dicky, Hainnur, Salmy & Hairunnizam, 2018). Walau bagaimanapun, hutang pasti menjadi sesuatu yang membebankan (Abdullah & Sabri, 2016), malah ia diumpamakan sebagai virus yang dibimbangi akan memberi impak berterusan terhadap individu yang terlibat seperti terjebak dengan masalah peminjam wang tanpa lesen (along), disenarai hitamkan, diisytiharkan muflis, dikenakan tindakan undang-undang dan sebagainya. Menurut Jabatan Insolvensi Malaysia, kes kebangkrutan bagi tempoh 2017 hingga Disember 2021 ialah sebanyak 61,665 kes di seluruh negara. Negeri Selangor mencatatkan jumlah kes kebangkrutan tertinggi, iaitu sebanyak 15,426 kes dari tahun 2017 hingga 2021. Berdasarkan dapatan ini, tindakan segera perlu diambil bagi menangani dan mengatasi isu ini.

Di Malaysia, terdapat pengkaji yang menjalankan kajian berkaitan kesejahteraan kewangan (Kamaludin et al., 2018; Ismail, 2021; Sabri, Syahrul & Wijekoon, 2020; Othman et al., 2020). Walau bagaimanapun, pengkaji yang memfokuskan kesejahteraan kewangan dalam kalangan guru adalah sangat terhad. Sebaliknya, terdapat pengkaji di luar negara yang menjalankan kajian berkaitan kesejahteraan kewangan dalam kalangan guru (Padmanaban & Deepa, 2018; Balitor, Hagusian & Sagala, 2021; Prasad & John, 2021) dan kebanyakan kajian menunjukkan bahawa bebanan hutang mempunyai perkaitan dengan kesejahteraan kewangan.

Kajian yang dijalankan oleh Guerra (2019) tentang perspektif guru terhadap kewangan mendapati bahawa hutang mempunyai hubungan dengan kesejahteraan kewangan guru, khususnya di sekolah awam. Guru yang mengalami isu kewangan akan memberi kesan negatif terhadap kepuasan kerja mereka di sekolah. Menurut Norazmi (2020), terdapat hubungan yang positif antara kesejahteraan kewangan dan kepuasan kerja guru. Walau bagaimanapun, kepuasan dan prestasi kerja guru turut dipengaruhi oleh efikasi sendiri, iaitu motivasi dalaman yang menentukan kelangsungan kerjaya mereka secara positif (Ali, Mustapha, Elias & Nordin, 2021).

Zulaihati, Susanti dan Widyastuti (2020) menyatakan bahawa tingkah laku, pengetahuan dan celik kewangan guru akan menentukan sejauh mana kesejahteraan kewangan mereka. Pengurusan sumber kewangan yang betul bermula dengan pendidikan pengurusan kewangan seperti perancangan kewangan jangka panjang, perbelanjaan dan pelaburan untuk mendapatkan keuntungan di masa akan datang. Ia juga akan menentukan sejauh mana tingkah laku kewangan guru dalam menguruskan kewangan mereka. Pengetahuan kewangan semata-mata tidak menjamin kesejahteraan kewangan tanpa disusuli tingkah laku kewangan yang positif (Abd Rahman & Sarib, 2020).

Walaupun bagaimanapun, implikasi dan kesan keterhutangan yang serius secara berterusan tanpa sebarang pencegahan berpotensi untuk menyumbang kepada masalah ketidakejahteraan kewangan sekali gus menjejaskan kelangsungan kerjaya guru.

Selain itu, ketiadaan panduan khusus berkaitan kesejahteraan kewangan yang boleh diguna pakai oleh guru menyebabkan masalah ini sukar dikawal dan ditangani secara total dan sistematik.

Pelan Sektor Kewangan 2011-2020 berusaha untuk menerapkan elemen-elemen pendidikan kewangan dalam ekosistem sekolah (Bank Negara Malaysia, 2011). Murid-murid di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah perlu diterapkan dengan kemahiran pengurusan kewangan menjelang tahun 2021. Justeru, Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengeluarkan panduan pelaksanaan pendidikan kewangan bagi murid-murid sekolah rendah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016). Selain itu, Bank Negara Malaysia (BNM) turut bekerjasama dengan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) bagi melaksanakan pendidikan kewangan menerusi program pengurusan kewangan peribadi dan taklimat pendidikan kewangan di Institut Pengajian Tinggi (IPT) seluruh negara (Agensi Kaunseling Pengurusan Kredit, 2017). Bahagian Psikologi dan Kaunseling, KPM (2018) dengan kerjasama AKPK ada melaksanakan program pengurusan kewangan dalam kalangan guru dengan keterhutangan serius. Namun begitu, ia hanya melibatkan panduan kewangan yang umum tanpa memasukkan modul yang bersifat holistik memfokuskan kewangan, efikasi pengurusan kewangan dan kerjaya. Tambahan pula, panduan dan pelaksanaan program ini hanya menyoal murid sekolah dan pelajar IPT. Justeru, terdapat keperluan untuk mewujudkan intervensi yang bersesuaian bagi memastikan hal ini dapat diatasi secara berhemah, khususnya dalam kalangan guru.

Tilan, Cabal dan Landa (2020) menjalankan kajian terhadap celik kewangan di sekolah awam di Filipina: guru dan intervensi program. Mereka mencadangkan program berbentuk intervensi diadakan untuk menerapkan pengetahuan dan kemahiran kewangan bagi menjamin dan menstabilkan pengurusan kewangan guru-guru. Seterusnya, Zulaihati et al., (2020) menjalankan kajian yang bertajuk Celik Kewangan Guru: Adakah Ia Memberi Kesan Kepada Tingkah Laku Kewangan?. Mereka mencadangkan guru-guru diberi pendidikan kewangan untuk meningkatkan tahap pengurusan kewangan sekali gus meningkatkan tahap celik kewangan dalam menguruskan sumber kewangan mereka.

Di Malaysia, terdapat pengkaji yang mencadangkan supaya intervensi dijalankan dalam bentuk modul atau pelaksanaan program bagi mengatasi masalah keterhutangan. Antara cadangan tersebut ialah pembinaan modul pendidikan kewangan sendiri untuk mempelajari teknik pengurusan kewangan yang baik dalam kalangan belia (Sabri & Zakaria, 2017) dan pelaksanaan program pendidikan kewangan terhadap pekerja muda supaya mereka tidak terdedah dengan isu kebangkrapan dalam usia yang muda (Abdullah et al., 2016). Program pendidikan kewangan merupakan keperluan yang penting sebagai persediaan kepada golongan muda, terutamanya pelajar (Urban, Schmeiser, Collins & Brown, 2020). Walau bagaimanapun, intervensi berbentuk modul dan pelaksanaan program tersebut tidak bersifat holistik di samping menyoal kumpulan sasaran yang berbeza. Selain itu, modul tersebut juga tidak dibina dalam bentuk modular yang diuji kesahan dan kebolehpercayaannya.

Justeru, pengkaji berhasrat untuk menjalankan kajian dengan membina Modul Kelompok Psiko Pendidikan Teori Kognitif Sosial (MKPPTKS) yang memfokuskan tiga (3) aspek, iaitu kesejahteraan kewangan, efikasi pengurusan kewangan dan kelangsungan kerjaya, dengan menggunakan kognitif, tingkah laku dan persekitaran sebagai intervensi terhadap guru-guru yang mengalami keterhutangan yang serius dan, seterusnya, melihat kesan penggunaan MKPPTKS ke atas mereka.

1.4 Tujuan Kajian

Tujuan kajian adalah untuk menjalankan intervensi kelompok psikopendidikan berasaskan Teori Kognitif Sosial bagi meningkatkan kesejahteraan kewangan, efikasi pengurusan kewangan dan kelangsungan kerjaya dalam kalangan guru keterhutangan serius. Sehubungan itu, beberapa objektif telah dibina untuk mencapai objektif tersebut.

1.5 Objektif Kajian

Kajian ini telah dibahagikan oleh pengkaji kepada dua objektif iaitu objektif umum dan objektif khusus:-

1.5.1 Objektif Umum

Antara objektif umum yang perlu dicapai dalam kajian ini ialah :

- 1.5.1.1 Membina Modul Kelompok Psikopendidikan Teori Kognitif Sosial (MKPPTKS) terhadap guru keterhutangan serius.
- 1.5.1.2 Mengenal pasti kesan Modul Kelompok Psikopendidikan Teori Kognitif Sosial (MKPPTKS) terhadap kesejahteraan kewangan, efikasi pengurusan kewangan dan kelangsungan kerjaya dalam kalangan guru keterhutangan serius.

1.5.2 Objektif Khusus

Di dalam objektif umum ada mengandungi objektif khusus bagi setiap objektif umum yang dinyatakan iaitu :-

- 1.5.2.1 Membina Modul Kelompok Psikopendidikan Teori Kognitif Sosial (MKPPTKS) dalam kalangan guru keterhutangan serius.
- 1.5.2.2 Mengenal pasti kesan Modul Kelompok Psikopendidikan Teori Kognitif Sosial (MKPPTKS) terhadap kesejahteraan kewangan dalam kalangan guru keterhutangan serius.

- 1.5.2.3 Mengenal pasti kesan Modul Kelompok Psikopendidikan Teori Kognitif Sosial (MKPPTKS) terhadap efikasi pengurusan kewangan dalam kalangan guru keterhutangan serius.
- 1.5.2.4 Mengenal pasti kesan Modul Kelompok Psikopendidikan Teori Kognitif Sosial (MKPPTKS) terhadap kelangsungan kerjaya dalam kalangan guru keterhutangan serius.

1.6 Persoalan Kajian

Antara persoalan kajian ini ialah :

- 1.6.1 Apakah nilai kesahan dan kebolehpercayaan Modul Kelompok Psikopendidikan Teori Kognitif Sosial (MKPPTKS) dalam kalangan guru keterhutangan serius?
- 1.6.2 Apakah kesan Modul Kelompok Psikopendidikan Teori Kognitif Sosial (MKPPTKS) terhadap kesejahteraan kewangan dalam kalangan guru keterhutangan serius?
- 1.6.3 Apakah kesan Modul Kelompok Psikopendidikan Teori Kognitif Sosial (MKPPTKS) terhadap efikasi pengurusan kewangan dalam kalangan guru keterhutangan serius?
- 1.6.4 Apakah kesan Modul Kelompok Psikopendidikan Teori Kognitif Sosial (MKPPTKS) terhadap kelangsungan kerjaya dalam kalangan guru keterhutangan serius?

1.7 Hipotesis Kajian

Hipotesis digunakan untuk menjelaskan sesuatu fenomena yang ingin dikaji dengan meramalkan hubung kait antara dua atau lebih pemboleh ubah yang berkaitan antara satu sama lain (Idris, 2013). Hipotesis kajian terdiri daripada dua jenis iaitu hipotesis nol dan hipotesis alternatif di mana ianya juga merupakan hipotesis berarah dan tidak berarah (Haron, 2010; McMillan & Schumacher, 2006). Kajian ini akan menggunakan hipotesis alternatif (H_a) kerana terdapat kajian lepas yang berkaitan menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara ujian pra dan ujian pasca. Begitu juga terdapat kajian lepas yang menunjukkan terdapat perbezaan dalam kumpulan kawalan serta kumpulan rawatan. Oleh itu, pemilihan hipotesis alternatif (H_a) dalam kajian ini adalah berdasarkan kajian-kajian lepas yang dapat membuktikan wujudnya perbezaan bagi kesan rawatan yang dijalankan.

Justeru itu, dalam kajian ini hipotesis alternatif (H_a) yang dinyatakan adalah mengikut pemboleh ubah iaitu :

- a) Kesejahteraan Kewangan (sub skala pengetahuan, sub skala pemikiran).

- b) Efikasi Pengurusan Kewangan (sub skala keyakinan, sub skala kawalan, sub skala kesediaan).
- c) Kelangsungan Kerjaya (sub skala kepuasan kerja, sub skala komitmen kerja, sub skala prestasi kerja).

Terdapat 9 hipotesis alternatif (Ha) yang mewakili 3 pemboleh ubah dalam kajian. Melalui hipotesis alternatif (Ha), pengkaji meramalkan adanya perbandingan skor min antara kumpulan kawalan dan rawatan, namun begitu tidak dapat meramalkan dan menentukan jangkaan dapatan antara pemboleh ubah (Hussin, Ali & Noor, 2014). Jangkaan kesan rawatan dapat dinyatakan dalam bentuk umum bagi melihat kesan dua kumpulan serta kesan bagi ujian pra, ujian pasca dan ujian susulan. Terdapat sembilan hipotesis (Ha) yang akan digunakan untuk menjawab objektif kajian kedua, ketiga dan keempat.

Objektif 2: Mengenal pasti kesan Modul Kelompok Psikopendidikan Teori Kognitif Sosial (MKPPTKS) terhadap kesejahteraan kewangan dalam kalangan guru keterhutangan serius.

Ha1: Terdapat perbezaan signifikan dalam ujian pra, ujian pasca dan ujian susulan bagi pemboleh ubah kesejahteraan kewangan (sub skala pengetahuan dan pemikiran) antara kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen dalam kalangan guru keterhutangan serius.

Ha2: Terdapat perbezaan signifikan dalam ujian pasca bagi pemboleh ubah kesejahteraan kewangan (sub skala pengetahuan dan pemikiran) antara kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen dalam kalangan guru keterhutangan serius.

Ha3: Terdapat perbezaan signifikan dalam ujian pasca dan ujian susulan bagi pemboleh ubah kesejahteraan kewangan (sub skala pengetahuan dan pemikiran) antara kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen dalam kalangan guru keterhutangan serius.

Objektif 3: Mengenal pasti kesan Modul Kelompok Psikopendidikan Teori Kognitif Sosial (MKPPTKS) terhadap efikasi pengurusan kewangan dalam kalangan guru keterhutangan serius.

Ha1: Terdapat perbezaan signifikan dalam ujian pra, ujian pasca dan ujian susulan bagi pemboleh ubah efikasi pengurusan kewangan (sub skala keyakinan, kawalan dan kesediaan) antara kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen dalam kalangan guru keterhutangan serius.

Ha2: Terdapat perbezaan signifikan dalam ujian pasca bagi pemboleh ubah efikasi pengurusan kewangan (sub skala keyakinan, kawalan dan kesediaan) antara kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen dalam kalangan guru keterhutangan serius.

Ha3: Terdapat perbezaan signifikan dalam ujian pasca dan ujian susulan bagi pemboleh ubah efikasi pengurusan kewangan (sub skala keyakinan, kawalan dan kesediaan) antara kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen dalam kalangan guru keterhutangan serius.

Objektif 4: Mengenal pasti kesan Modul Kelompok Psikopendidikan Teori Kognitif Sosial (MKPPTKS) terhadap kelangsungan kerjaya dalam kalangan guru keterhutangan serius.

Ha1: Terdapat perbezaan signifikan dalam ujian pra, ujian pasca dan ujian susulan bagi pemboleh ubah kelangsungan kerjaya (sub skala kepuasan kerja, komitmen kerja dan prestasi kerja) antara kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen dalam kalangan guru keterhutangan serius.

Ha2: Terdapat perbezaan signifikan dalam ujian pasca bagi pemboleh ubah kelangsungan kerjaya (sub skala kepuasan kerja, komitmen kerja dan prestasi kerja) antara kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen dalam kalangan guru keterhutangan serius.

Ha3: Terdapat perbezaan signifikan dalam ujian pasca dan ujian susulan bagi pemboleh ubah kelangsungan kerjaya (sub skala kepuasan kerja, komitmen kerja dan prestasi kerja) antara kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen dalam kalangan guru keterhutangan serius.

1.8 Definisi Kajian

1.8.1 Definisi Konseptual dan Definisi Operasional

Definisi konseptual merupakan maksud bagi setiap pemboleh ubah yang terhasil daripada pengkaji-pengkaji melalui kajian-kajian lepas. Definisi ini penting bagi menentukan maksud sebenar setiap pemboleh ubah di samping membantu pengkaji untuk mendefinisikannya dalam bentuk operasional berdasarkan konteks kajian yang dijalankan.

Definisi operasional dalam kajian bertujuan untuk memberikan keterangan yang tepat terhadap pengukuran ciri-ciri dalam konstruk kajian. Oleh itu, abstrak yang terdapat dalam konstruk kajian dapat diukur dalam bentuk pemboleh ubah iaitu pelengkap empirikal atau dalam bentuk operasional bagi setiap konstruk (Glanz, Rimer & Viswanath, 2015). Proses ini boleh mengelakkan masalah ralat spesifikasi dalam kajian atau meningkatkan kesahan konstruk dengan menggunakan kaedah pengukuran yang tepat bagi mewakili konstruk yang dimaksudkan (De Leeuw, Hox & Dillman, 2008).

1.8.1.1 Modul

Modul ialah bahan pengajaran yang mempunyai perkaitan dengan satu unit mata pelajaran (Rusell, 1974). Menurut Creager dan Murray (1985), modul ialah unit pengajaran yang serba lengkap dengan fokus utama kewujudannya ialah untuk mencapai setiap objektif yang telah ditetapkan. Husen dan Postlethwaite (1985) pula menjelaskan bahawa modul meliputi satu unit konsep atau mata pelajaran yang boleh mewakili satu set bahan pengajaran yang lebih lengkap. Seterusnya, Kamdi (1990) mentakrifkan modul sebagai komponen-komponen pengajaran dan pembelajaran yang terdiri daripada objektif, bahan dan aktiviti pembelajaran, aktiviti penilaian dan arahan dan prosedur yang sistematik dalam satu pakej pengajaran dan pembelajaran atau belajar sendiri secara pukal. Oleh hal yang demikian, pelajar boleh mengikuti langkah-langkah seterusnya bagi memastikan pembelajaran dapat dikuasai dan dijalankan secara individu.

Mohd Noah dan Ahmad (2005) pula mendefinisikan modul sebagai unit pengajaran dan pembelajaran yang membincangkan sesuatu tajuk tertentu secara sistematik dan berurutan bagi memudahkan pembelajaran secara bersendirian bagi menguasai sesuatu unit pembelajaran dengan tepat dan mudah. Manakala Ab. Rahim (1991) menjelaskan bahawa modul merupakan pakej lengkap yang mengandungi semua kemahiran dan boleh dipelajari sendiri. Walau bagaimanapun, kemahiran tersebut turut dikaitkan dengan tugas pelajar dan digabungkan antara satu sama lain sehingga terbentuknya satu rangkaian.

Dalam kajian ini, modul yang akan dibina boleh dikategorikan sebagai modul latihan bagi membantu meningkatkan kemahiran peserta terhadap kesejahteraan kewangan, efikasi pengurusan kewangan dan kelangsungan kerjaya. Modul latihan ialah perkembangan latihan yang diusahakan oleh pihak-pihak tertentu bagi membantu meningkatkan kecekapan pekerja dalam sesebuah organisasi (Mohd Noah & Ahmad, 2005). Modul ini juga dibina berdasarkan Teori Kognitif Sosial melalui kelompok psikopendidikan dengan memfokuskan kesejahteraan kewangan, efikasi pengurusan kewangan dan kelangsungan kerjaya. Kandungan modul yang dihasilkan ini juga mengandungi tajuk, tempoh masa, bahan-bahan, objektif, langkah-langkah dan falsafah. Pembinaan dan aplikasi modul ini mencakupi ketiga-tiga pemboleh ubah kajian iaitu kesejahteraan kewangan, efikasi pengurusan kewangan dan kelangsungan kerjaya.

Modul ini dihasilkan berdasarkan pendekatan Teori Kognitif Sosial oleh Bandura (1986) dan tinjauan literatur yang dijalankan. Modul ini memfokuskan tiga (3) pemboleh ubah, iaitu kesejahteraan kewangan, efikasi pengurusan kewangan dan kelangsungan kerjaya. Ketiga-tiga pemboleh ubah ini dijadikan sebagai submodul dengan setiap submodul mengandungi beberapa aktiviti yang bersesuaian. Kandungan aktiviti modul bermula dengan pengenalan kelompok dan membina hubungan menerusi dua (2) aktiviti: (1) Bergerak Santai dan (2) Kenali Diriku. Seterusnya, submodul kesejahteraan kewangan yang mengandungi empat (4) aktiviti: (1) Duit Oh Duit, (2) Oh, Baru Ku Tahu, (3) Fikirkan dan (4) Positifnya Dia. Submodul seterusnya ialah efikasi sendiri yang mengandungi empat (4) aktiviti: (1) Yang Mana Satu Pilihan

Hati?, (2) Aku Hebat, (3) Perwiraku dan (4) Aku Boleh. Manakala submodul yang terakhir ialah kerjaya yang terdiri daripada lima (5) aktiviti: (1) Jadual Kepuasan Kerja, (2) Syabas Anda Terbaik, (3) Positifku, (4) Hebatnya Kamu dan (5) Gaya Saya.

Secara keseluruhannya, terdapat 15 aktiviti dalam MKPPTKS dengan anggaran masa bagi setiap aktiviti antara 20 minit hingga 2 jam. Pembinaan modul adalah berdasarkan Model Sidek (2001). Sidek Mohd Noah memperkenalkan sebuah model integrasi yang lebih komprehensif dalam pembinaan modul pada tahun 2001. Pengkaji telah mengemukakan langkah-langkah dan kemahiran dalam menguruskan kewangan, efikasi pengurusan kewangan dan kelangsungan kerjaya secara sistematik. Ia bermula dengan pengenalan kelompok dan membina hubungan untuk mewujudkan kejeleketan dalam kalangan peserta. Ia diikuti dengan submodul kesejahteraan kewangan dengan fokus utamanya untuk meningkatkan tahap pengetahuan dan pemikiran peserta dalam aspek pengurusan kewangan. Submodul seterusnya ialah efikasi sendiri dengan fokus utamanya untuk meningkatkan keyakinan, kawalan dan kesediaan diri, khususnya dalam pengurusan kewangan. Submodul yang terakhir ialah kerjaya dengan fokus utamanya untuk meningkatkan kepuasan kerja, komitmen kerja dan prestasi kerja.

1.8.1.2 Kelompok Psikopendidikan

Kelompok didefinisikan sebagai satu himpunan individu dan kewujudannya adalah untuk memberi ganjaran kepada anggotanya (Wan Azmi, 1988). Ia bermaksud bahawa ahli-ahli dalam sesebuah kelompok itu akan memperoleh ganjaran atau kebaikan untuk dirinya dan rakan-rakan dalam kelompok tersebut. Kelompok juga terdiri daripada dua (2) atau lebih orang yang berinteraksi antara satu sama lain dalam keadaan setiap orang mempengaruhi dan dipengaruhi oleh satu sama lain (Wan Azmi, 1988).

Kajian ini mendefinisikan kelompok sebagai dua (2) atau lebih individu yang saling berkaitan dan berinteraksi antara satu sama lain bagi mencapai objektif tertentu. Kelompok yang akan dijalankan dalam kajian ini ialah kelompok psikopendidikan; guru-guru akan dikumpulkan dalam tiga (3) kelompok kecil (11 orang) atau satu (1) kelompok besar (33 orang) bertujuan untuk mempertingkatkan kesejahteraan kewangan, efikasi pengurusan kewangan dan kelangsungan kerjaya mereka. Mereka akan memperoleh input dan maklumat yang berguna tentang pengurusan kewangan, efikasi pengurusan kewangan dan kelangsungan kerjaya melalui aktiviti-aktiviti dalam modul yang berasaskan Teori Kognitif Sosial. Kelompok amat berguna dalam membantu melatih dan membentuk tingkah laku baru atau mendapatkan semula tingkah laku yang lama (Benson, 2010). Pendekatan eksperimen secara kelompok didapati lebih berkesan berbanding rawatan secara individu. Maklum balas yang diterima oleh ahli-ahli dalam kelompok akan bertahan lebih lama dan kedudukannya juga akan lebih kukuh, terutama daripada aspek kesejahteraan dan psikologi (Corey, Corey & Corey, 2013).

Secara keseluruhannya, kajian ini melibatkan seramai 60 orang responden untuk kelompok eksperimen dan kelompok kawalan. Pengkaji menetapkan seramai 30 orang responden dalam satu (1) kumpulan seperti yang dicadangkan oleh Teorem Had Memusat (*Central Limit Theorem*), iaitu 30 orang responden adalah lebih bersesuaian

dalam satu (1) kumpulan (Gay, Geoffrey, Mills & Airasian, 2009). Seterusnya, 30 orang responden tersebut akan dibahagikan kepada kumpulan yang lebih kecil, iaitu sepuluh (10) orang dalam setiap kumpulan. Kumpulan yang lebih kecil akan mewujudkan suasana perkongsian yang lebih mendalam dengan bilangan ahli yang terlibat tidak perlu terlalu ramai, sebaik-baiknya dua (2) hingga sepuluh (10) orang (Ahmad, 2008). Walau bagaimanapun, pengkaji telah mengambil lebih tiga (3) orang responden untuk setiap kumpulan bagi memenuhi kesahan dalaman kajian eksperimen. Justeru, kajian ini akan melibatkan tiga (3) kelompok yang terdiri daripada kumpulan eksperimen dan satu (1) kelompok kumpulan kawalan. Secara keseluruhannya, 66 orang guru dengan keterhutangan serius akan dijadikan responden dalam kajian ini.

1.8.1.3 Kesejahteraan Kewangan

Kesejahteraan kewangan didefinisikan sebagai suatu bentuk kepuasan seseorang terhadap kedudukan kewangan peribadinya (Ramli, Sum, Masud, Haron, Othman & Manusia, 2014). Menurut Mahdzan, Zainudin, Sukor, Zainir dan Wan Ahmad (2019), kesejahteraan kewangan meliputi bukan sahaja perasaan kepuasan terhadap keadaan kewangan individu pada masa kini, bahkan ia juga mengambil kira pandangan individu terhadap keadaan kewangannya pada masa hadapan. Dalam hal ini, konsep kesejahteraan kewangan merangkumi pengekalan taraf hidup dan kebebasan kewangan yang diinginkan pada masa kini dan pada masa akan datang.

Kesejahteraan kewangan dalam kajian ini merujuk kepada hasil kepuasan terhadap kedudukan kewangan daripada aspek pengetahuan dan pemikiran. Pengetahuan kewangan merujuk kepada guru yang mengetahui dan memahami maklumat berkaitan kewangan peribadi. Manakala pemikiran kewangan pula didefinisikan sebagai guru yang menggunakan kemahiran kognitif untuk membuat pertimbangan dan membuat keputusan berkaitan kewangan. Kedua-dua pemboleh ubah ini diukur dengan menggunakan Instrumen Kesejahteraan Kewangan (IKK) (Abd Rahim, 2018).

1.8.1.4 Efikasi Pengurusan Kewangan

Efikasi pengurusan kewangan mencerminkan kebolehan dan keupayaan dalam membuat keputusan kewangan daripada aspek berbelanja, menyimpan, melabur dan sebagainya. Kebiasaannya, tindakan yang dilakukan berdasarkan kepercayaan individu akan menghasilkan tindakan yang selaras dengan pengetahuan sedia ada. Bandura (1986) menjelaskan bahawa kepercayaan seseorang terhadap kebolehan dirinya membantu menggerakkan sumber motivasi dan kognitif dan mengatur cara yang bersesuaian dengan keperluan tugas. Dalam konteks sekolah pula, guru yang memiliki efikasi sendiri akan melaksanakan proses pengajaran dan pemudahcaraan secara efisien dan penuh yakin (Hassan & Thambu, 2018).

Efikasi pengurusan kewangan dalam kajian ini memfokuskan tiga (3) aspek, iaitu keyakinan, kawalan dan kesediaan apabila berhadapan dengan isu kewangan. Keyakinan bermaksud menghargai dan menerima kemampuan diri seadanya, selesa

apabila dikritik dan mampu memberi pandangan, bantuan dan mencari penyelesaian apabila diperlukan. Manakala kawalan pula bermaksud keupayaan atau kebolehan dalam membuat tindakan, mampu mengawal diri dalam menghadapi pelbagai situasi yang sukar, termasuk isu kewangan, dan tidak mudah putus asa walaupun menemui kegagalan. Akhir sekali, kesediaan bermaksud sentiasa bersedia untuk menerima perubahan dan mempelajari perkara-perkara baharu, terutamanya yang berkaitan kewangan.

1.8.1.5 Kelangsungan Kerjaya

Kelangsungan kerjaya turut melibatkan pemilihan kerjaya yang tepat bagi memastikan individu mendapat manfaat dalam kehidupannya, bermotivasi terhadap kerjanya dan mencapai tahap prestasi yang baik sekali gus berterusan memperoleh kelangsungan kerjaya dalam sesebuah organisasi (Tobing & Kennedy, 2016). Bagi memastikan kelangsungan kerjaya, individu perlu meningkatkan perkembangan kerjaya untuk membolehkan dirinya kekal dalam organisasi di samping membuat keputusan berkaitan kerjaya dengan lebih baik (Greenhaus & Callanan, 2006). Pengkalan terhadap kerjaya turut bergantung kepada perubahan persekitaran dari semasa ke semasa (Roy & Singh, 2019).

Dalam kajian ini, kelangsungan kerjaya memfokuskan tiga (3) aspek, iaitu kepuasan kerja, komitmen kerja dan prestasi kerja. Kepuasan kerja melibatkan dua (2) faktor utama, iaitu faktor intrinsik (motivasi) dan faktor ekstrinsik (kesihatan). Faktor intrinsik melibatkan pencapaian, pengiktirafan, pangkat, kerja dan tanggungjawab. Manakala faktor ekstrinsik pula melibatkan persekitaran, penyelia, interpersonal, gaji dan keselamatan. Seterusnya, komitmen kerja melibatkan aspek afektif yang merujuk kepada perasaan yang dialami oleh pekerja bagi memastikan mereka boleh terus kekal bekerja di organisasi mereka. Pekerja yang mempunyai afektif yang kuat akan berasa seronok untuk terus bekerja disebabkan oleh nilai pekerjaan yang lebih murni mengikut kesesuaian perasaan mereka sepanjang bekerja di organisasi tersebut. Manakala prestasi kerja pula melibatkan aspek prestasi kontekstual yang merujuk kepada tingkah laku yang menyokong persekitaran organisasi. Aspek-aspek ini diperlukan bagi menunjukkan kejayaan individu untuk terus meningkatkan kelangsungan kerjaya di organisasi mereka.

1.8.1.6 Guru Keterhutangan Serius

Guru merupakan jawatan yang disandang oleh individu yang memenuhi syarat-syarat Skim Perkhidmatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) dan dilantik secara tetap dalam Skim Perkhidmatan PPP (Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan, n.d.). Guru dengan keterhutangan serius memperoleh purata pendapatan bersih kurang daripada paras minimum 40% emolumen bulanan mereka. Walaupun guru-guru mungkin mempunyai pendapatan lain, ia tidak tercatat dalam penyata gaji mereka. Justeru, ia tidak memberi apa-apa makna selagi mereka bergelar penjawat awam. Guru yang mengalami keterhutangan serius ini tidak mampu membayar hutang atau pinjaman yang dibuat kerana kadar potongan gaji mereka sudah melebihi pendapatan sehingga

menyukarkan mereka untuk menjelaskan hutang mereka (Kelakuan Tatatertib1993) (Pindaan 2002).

Dalam kajian ini, guru dengan keterhutangan serius merujuk kepada individu yang mengalami masalah keterhutangan yang serius, iaitu potongan dalam penyata gaji mereka sudah melebihi 60% daripada emolumen bulanan mereka. Ia bermaksud bahawa gaji bersih yang tercatat dalam penyata gaji adalah kurang daripada 40% daripada emolumen bulanan mereka. Mereka dikategorikan sebagai penjawat awam yang telah melanggar peraturan pegawai awam (Kelakuan Tatatertib 1993) (Pindaan 2002). Dalam pindaan ini, isu keterhutangan yang serius adalah di bawah Peraturan 13, iaitu seseorang pegawai tidak boleh dengan apa-apa cara menyebabkan dirinya berada dalam keterhutangan kewangan yang serius.

1.9 Kepentingan Kajian

Kajian ini diharapkan dapat memberikan sumbangan dan manfaat kepada pelbagai pihak yang berkaitan. Antara sumbangan kajian ini ialah memberikan nilai tambah dalam membantu meningkatkan kesejahteraan kewangan, efikasi pengurusan kewangan dan kelangsungan kerjaya dengan menghasilkan modul psikopendidikan melalui pembelajaran dan panduan modul yang mudah difahami. Kajian ini merupakan kajian berbentuk inovasi dan terdapat keperluan untuk melaksanakannya (Nazariah, Mohamad Aziz & Pau Kee, 2011; Buang, 2011), antaranya ialah setiap inovasi membawa idea-idea baharu dalam perancangan dan pelaksanaan kurikulum dan pembangunan inovasi pula membawa perubahan ke arah yang lebih baik.

Kajian ini juga diharapkan dapat memberikan nilai tambah secara empirikal bagi menyahut cadangan daripada kajian terdahulu untuk mengadakan program-program pendidikan kewangan dan membina modul-modul berkaitan kewangan dan kerjaya sebagai intervensi untuk menyejahterakan kewangan individu, khususnya dalam kalangan guru. Pelaksanaan kajian yang lebih mendalam berkaitan isu atau masalah kewangan yang dikenal pasti diharapkan berupaya untuk memperbaiki dan menambah baik kelangsungan kerjaya guru pada masa hadapan.

Kajian ini juga merupakan satu inovasi bagi menangani isu kewangan yang menjejaskan produktiviti kerja di sekolah (Azmi et al., 2021). Setiap pembangunan inovasi akan membawa perubahan dan pencegahan ke arah yang lebih baik (Azmiza, 2017). Selain itu, kajian ini juga penting bagi mempelajari dan mendalami ilmu pendidikan kewangan dengan betul. Kejayaan kajian terhadap kesan intervensi MKPPTKS diharapkan dapat menghasilkan guru yang mahir dan peka daripada segi kewangan, mampu menerapkan efikasi pengurusan kewangan dan memastikan kelangsungan kerjaya secara positif. Kajian ini juga menyumbang kepada pengembangan pengetahuan dalam bidang kaunseling dan psikologi di samping menghubungkan teori kognitif sosial dengan kesejahteraan kewangan, efikasi pengurusan kewangan dan kelangsungan kerjaya.

Dapatan kajian ini memberi makna yang sangat besar kepada pihak sekolah kerana ia dapat memperkayakan aktiviti bermodul bagi membimbing dan menjadi panduan kepada guru yang mengalami keterhutangan serius. Modul yang dibina merupakan alat yang boleh digunakan dalam program-program di sekolah di samping menjadi panduan dalam mengendalikan sesi kaunseling, khususnya buat guru bimbingan kaunseling sekolah. Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan Negeri Selangor (JPNS) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Petaling Perdana juga boleh mendapat gambaran yang lebih jelas tentang data dan maklumat berkaitan guru yang terlibat dengan isu keterhutangan serius. Berdasarkan data tersebut, intervensi boleh dilaksanakan dengan menggunakan MKPPTKS.

Selanjutnya, kajian ini juga diharapkan dapat membantu para kaunselor pendidikan dalam mengendalikan dan menyelesaikan isu-isu berkaitan kesejahteraan kewangan, efikasi pengurusan kewangan dan kelangsungan kerjaya. Selain daripada menggunakan instrumen untuk mengenal pasti sejauh mana isu kewangan, efikasi sendiri dan kerjaya klien, kaunselor juga boleh menggunakan dapatan kajian ini sebagai maklumat atau input untuk memperkukuhkan pemahaman tentang isu kewangan yang sedang berlaku, terutamanya dalam kalangan guru. Pembinaan MKPPTKS boleh digunakan oleh kaunselor pendidikan sebagai pelan rawatan bagi membantu mereka dalam mengendalikan kes-kes kewangan ini. Dapatan kajian ini boleh membantu proses pelaksanaan dan perjalanan sesi kaunseling, bimbingan kelompok atau program-program intervensi dengan menggunakan MKPPTKS ini bagi mendidik dan memberi input yang berguna kepada guru-guru terbabit dalam menangani isu keterhutangan serius ini.

Penggunaan MKPPTKS juga boleh dikendalikan oleh kaunselor sekolah melalui program-program motivasi atau bimbingan kerana modul ini mengandungi kaedah dan aktiviti-aktiviti yang bersesuaian dengan pengurusan kewangan, efikasi pengurusan kewangan dan kelangsungan kerjaya mereka. Kaunselor juga boleh melaksanakan program-program berbentuk pengurusan kewangan dan kerjaya dengan menjadikan modul ini sebagai panduan dan perkongsian kepada guru-guru bagi mencapai objektif program. Di peringkat kementerian pula, terdapat program-program intervensi kewangan yang sudah mula dijalankan. Ia berikutan dapatan statistik penjawat awam yang mengalami keterhutangan serius akibat potongan gaji melebihi 60% yang membimbangkan. Justeru, MKPPTKS ini amat sesuai untuk diguna pakai sebagai bimbingan dalam melaksanakan intervensi kewangan, efikasi pengurusan kewangan dan kelangsungan kerjaya, terutamanya dalam kalangan guru.

Selain itu, kajian ini juga diharapkan dapat membantu pelbagai organisasi atau agensi yang berkaitan, terutamanya agensi-agensi kewangan seperti Agensi Kaunseling Pengurusan Kredit (AKPK) dan sebagainya. Selain daripada memberi pinjaman, agensi-agensi kewangan turut berperanan dalam membantu menstrukturkan semula pinjaman secara sistematik dan memberikan garis panduan atau bimbingan, terutamanya daripada aspek psikologi dan kaunseling tentang strategi pengurusan kewangan secara berhemah. Tidak dinafikan bahawa setiap agensi terbabit mempunyai maklumat atau input tentang runding cara berkaitan kewangan, Walau bagaimanapun, masih terdapat kekurangan daripada aspek psikologi dan kaunseling. Menerusi kewujudan MKPPTKS yang memfokuskan aspek psikologi dan kaunseling terhadap

pengetahuan dan pemikiran, ia dilihat dapat membantu pelanggan-pelanggan untuk memperoleh manfaat sama ada daripada aspek runding cara kewangan, efikasi sendiri, perkembangan kerjaya atau aspek psikologi dan kaunseling, iaitu bagaimana menguruskan kewangan secara rasional.

Kajian ini juga boleh dijadikan panduan oleh pakar-pakar motivasi yang lain, terutamanya daripada aspek pengurusan kewangan, efikasi pengurusan kewangan dan kelangsungan kerjaya. Selain daripada memberi maklumat dan input tentang kewangan, modul yang dibina ini juga boleh menjadi panduan dan rujukan ke arah pemikiran yang lebih positif terhadap pengurusan kesejahteraan kewangan yang betul. Secara tidak langsung, mereka boleh menggunakan efikasi pengurusan kewangan sewajarnya bagi memastikan kelangsungan kerjaya bertambah baik. Jika diimbangi dengan senario kaunseling sebelum ini, kebanyakan pakar motivasi memberi pendedahan tentang cara atau langkah-langkah untuk berbelanja. Walau bagaimanapun, tidak terdapat garis panduan yang bersifat holistik yang merangkumi aspek kesejahteraan kewangan, efikasi pengurusan kewangan dan kelangsungan kerjaya yang boleh menjamin bahawa ia boleh dipraktikkan dengan baik. Keberkesanan MKPPTKS boleh mengukuhkan dan memantapkan lagi penyampaian dan perkongsian pakar-pakar motivasi menerusi ceramah mereka. Modul tersebut juga boleh digunakan dalam program-program motivasi yang dilaksanakan terhadap guru-guru yang disasarkan.

1.10 Batasan Kajian

Batasan merupakan penehadan atau ruang lingkup kajian yang ingin dikaji oleh pengkaji. Batasan kajian ditetapkan bagi memastikan kajian terperinci dapat dilaksanakan secara sistematik dan berkesan.

Dalam kajian ini, pengkaji membataskan kajian ini dengan menggunakan reka bentuk kajian secara eksperimental bagi memeriksa kesan MKPPTKS terhadap kesejahteraan kewangan, efikasi pengurusan kewangan dan kelangsungan kerjaya antara kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan. Memandangkan intervensi akan dijalankan terhadap kumpulan eksperimen dan kesan modul akan dilihat melalui ujian pra, ujian pasca dan ujian susulan, ia memerlukan tempoh masa yang agak lama. Selain itu, responden dalam kajian ini dipilih secara rawak dari daerah Petaling Perdana di Negeri Selangor. Pengkaji berpotensi untuk berdepan dengan masalah responden tidak dapat memberi komitmen sepenuhnya. Justeru, pengkaji menetapkan sepuluh (10) orang responden bagi setiap kumpulan seperti yang disarankan oleh Ahmad (2008), iaitu bilangan kelompok sekurang-kurangnya dua (2) hingga sepuluh (10) orang. Walau bagaimanapun, pengkaji akan melebihi bilangan responden bagi setiap kelompok, iaitu menjadi 11 orang, bagi mengelakkan sebarang ancaman kajian. Kajian eksperimen ini akan melihat kesan selepas intervensi dijalankan. Namun, penyelidik turut ingin melihat kesan terhadap pengetahuan dan pemikiran guru-guru menerusi Teori Kognitif Sosial meskipun ia memerlukan tempoh masa yang agak lama untuk melihat kesan kognitif seterusnya yang memberi kesan, terutamanya terhadap tingkah laku dan emosi.

Kajian ini juga hanya memfokuskan responden dalam kalangan guru yang mengalami potongan gaji melebihi 60%. Justeru, dapatan kajian ini tidak boleh digeneralisasikan kepada masyarakat lain yang bukan guru seperti golongan penjawat awam yang lain yang turut mengalami isu keterhutangan yang serius. Berdasarkan dapatan tersebut, MKPPTKS hanya memfokuskan guru-guru sahaja dan berkemungkinan kesahan dan kebolehpercayaan modul ini perlu diukur semula untuk diaplikasikan kepada golongan lain, terutamanya penjawat awam.

Dalam kajian eksperimen, faktor kesahan dalaman dan kesahan luaran merupakan ancaman kesahan yang perlu dikawal bagi memastikan hasil kajian tidak dipengaruhi oleh faktor selain daripada pemboleh ubah tidak bersandar yang ingin dikaji (Cook & Campbell, 1979). Oleh itu, beberapa langkah telah diambil dalam mereka bentuk kajian yang akan digunakan bagi mengawal ancaman tersebut terhadap kesahan eksperimen dalam menentukan hubungan sebab dan akibat antara pemboleh ubah tidak bersandar dan pemboleh ubah bersandar.

1.11 Rumusan

Isu keterhutangan yang serius dalam kalangan guru memberi kesan terhadap kesejahteraan kewangan guru sekali gus memberi kesan negatif terhadap efikasi pengurusan kewangan dan kelangsungan kerjaya. Isu tersebut boleh diatasi sekiranya mereka boleh mengawal dan menanganinya secara berhemah. Ia bermaksud bahawa seseorang guru itu hanya berhutang mengikut keperluan dan pada kadar yang sewajar atau sepatutnya sahaja, iaitu dalam keadaan apabila berhutang ia tidak memberi kesan yang membebankan diri. Cara ini boleh membantu guru-guru mengekalkan tahap kesejahteraan kewangan dan kelangsungan kerjaya mereka.

Terdapat kajian yang menyatakan bahawa antara faktor-faktor yang menyumbang kepada keterhutangan yang serius ialah kurangnya pengetahuan, kepekaan dan kesedaran tentang kewangan sehingga menyebabkan seseorang individu itu membuat keputusan tanpa kawalan dan berhutang dengan sewenang-wenangnya. Ia membawa kepada kegagalan dalam pengurusan kewangan apabila nilai hutang itu melebihi kapasiti kemampuan individu tersebut. Keputusan yang dibuat secara tidak profesional berisiko untuk mengganggu kesejahteraan emosi sekali gus memberi kesan negatif terhadap perkembangan dan kemajuan kerjaya mereka. Pelaksanaan amanah dan tanggungjawab hakiki mereka di sekolah akan terjejas kerana mereka terpaksa mencari jalan keluar bagi membebaskan diri daripada masalah hutang seperti melakukan pekerjaan sampingan yang pastinya akan mengganggu masa, fokus dan komitmen mereka terhadap kerjaya di sekolah. Bagi mengatasi masalah ini, intervensi yang bersesuaian perlu dilaksanakan supaya mereka tidak berterusan melanggar pekeliling dan peraturan yang telah ditetapkan buat semua penjawat awam, termasuk guru-guru yang mengalami keterhutangan serius.

Pembinaan MKPPTKS perlu dilaksanakan untuk melihat kesan terhadap kesejahteraan kewangan, efikasi pengurusan kewangan dan kelangsungan kerjaya guru yang mengalami keterhutangan serius. Matlamat utama pembinaan dan penggunaan modul ini ialah untuk memberi maklumat dan kesedaran kepada guru-guru tentang

kepentingan pemikiran yang rasional, tingkah laku dan emosi yang positif bagi memastikan mereka dapat mengubah kehidupan ke arah mencapai kesejahteraan kewangan, peningkatan efikasi pengurusan kewangan dan kelangsungan kerjaya yang lebih bermakna. Sehubungan itu, pengisian MKPPTKS yang bersifat holistik boleh dijadikan panduan dan rujukan para guru untuk meningkatkan tahap kepekaan, tanggungjawab dan disiplin bagi memastikan mereka dapat mengelakkan diri daripada terjebak dengan masalah keterhutangan sehingga menjejaskan kelangsungan kerjaya mereka sebagai guru.

Kesimpulannya, bab ini telah membincangkan secara khusus mengenai pengenalan, latar belakang kajian, pernyataan masalah, tujuan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, hipotesis kajian, definisi pemboleh ubah, kepentingan kajian, batasan kajian dan rumusan. Ia memberi gambaran keseluruhan tentang kajian yang akan dilaksanakan.

RUJUKAN

Al-Qur'an al-Karim.

- Ab Rahman, S., Azim, A. M. M., & Ismail, S. (2020). Pandemik COVID 19: Tekanan Kewangan, Literasi Kewangan Menjadi Penentu Kesejahteraan Kewangan Di Kalangan Komuniti Durian Tunggal. *Journal of Business Innovation*, 5(1), 91.
- Abd Rahman, I., & Sarib, M. Y. M. (2020). Tahap Literasi Kewangan Di Kalangan Pekerja Sektor Awam: Kajian Majlis Amanah Rakyat (Mara). *Advanced Journal Of Accounting And Finance*, 2(2), 1-15.
- Abd Rahim, N. (2018). Kesejahteraan Kewangan Dalam Kalangan Penjawat Awam Keterhutangan Yang Serius di Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). *Jurnal Psikologi dan Kaunseling Bilangan*, 10, 33-50.
- Abd Rahim, N. (2018). Instrumen Kesejahteraan Kewangan. *Jurnal Psikologi dan Kaunseling Bilangan*, 9, 65-84.
- Ab. Rahim, S. (1991). Pengurusan Latihan: Satu Pengenalan. *Jurnal Guru*, 3, 419-424.
- Abd Rahman, I., & Sarib, M. Y. M. (2020). Tahap Literasi Kewangan Di Kalangan Pekerja Sektor Awam: Kajian Majlis Amanah Rakyat (Mara). *Advanced Journal Of Accounting And Finance*, 2(2), 1-15.
- Abdullah, N., Fazli, S. M., & Muhammad Arif, A. M. (2019). The Relationship Between Attitude Towards Money, Financial Literacy And Debt Management With Young Worker's Financial Well-Being. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*, 27(1).
- Abdullah, N., & Sabri, M. F. (2016). Faktor Peramal Pengurusan Hutang Dalam Kalangan Pekerja Muda. *International Journal of Education and Training*, 2(2), 1-19.
- Abdullah, M. K. (2021). Komitmen Organisasi Sekolah dan Hubungannya dengan Kualiti Pengajaran Guru Bahasa Melayu Tahap Satu di Luar Bandar Sabah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(1), 159-167.
- Abu Bakar, N. (1995). *Penilaian Asas Dalam Pendidikan*. Petaling Jaya: Longman.
- Acedillo, M. J. A. (2018). Exploring The Personal Financial Management Practices Of Teachers In The Countryside. *Countryside Development Research Journal*, 6(01), 40-51.
- Ahmad, R. B. (2015). Effects Of Marital Psycho-Spiritual Intervention On Personality, Communication And Attachment Among Muslim Spouses In Kedah, Malaysia. *Unpublished Doctoral Thesis. Universiti Putra Malaysia, Serdang.*

- Ahmad, S., & Hamid, A. H. A. (2021). Amalan Kepimpinan Distributif Guru Besar Terhadap Efikasi Kendiri Dalam Kalangan Guru Prasekolah. *Malaysian journal of social sciences and humanities (MJSSH)*, 6(1), 140-150.
- Ahmad, N. L., Sho, S. L., Wahid, H. A., & Yusof, R. (2019). Kepentingan Amalan Pengajaran Dan Pembelajaran Abad Ke-21 Terhadap Pembangunan Pelajar. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4(28), 28-51.
- Ahmad, J.. (2008). *Modul dan Pengendalian Bimbingan Kelompok*. Pustaka: Universiti Putra Malaysia.
- Agensi Kaunseling Pengurusan Kredit. (2000). *Pendidikan Kewangan*. (Atas talian) <https://www.akpk.org.my/my/pendidikan-kewangan> (20 Februari 2018).
- Agensi Kaunseling Pengurusan Kredit. 2017. *AKPK Ambil Langkah Lebih Proaktif Terap Pendidikan Kewangan Kepada Mahasiswa*. (Atas talian). <https://www.akpk.org.my/node/972> (16 Februari 2018).
- Aldana, S. G., & Liljenquist, W. (1998). Validity And Reliability Of A Financial Strain Survey. *Journal of Financial Counseling and Planning*, 9(2), 11-18.
- Ali, M. Z., Ismail, N. N., Suradi, N. R., Mustafa, Z., & Ismail, M., (2021). Faktor Penentu Kesejahteraan Kewangan Dalam Kalangan Belia Melayu Menggunakan Pemodelan Kuasa Dua Terkecil Separa. *Journal Of Quality Measurement And Analysis Jqma*, 17(2), 51-64.
- Ali, S. A., Mustapha, K., Jalila, J., Elias, S., & Nordin, M. N., (2021). Financial Elements In Job Satisfaction Of Special Education Teachers In Malaysia. *Turkish Journal of Computer and Mathematics Education (TURCOMAT)*, 12(11), 5229-5233.
- Ali, S. A., Mustapha, K., Elias, S., Nordin, M. N. (2021). Financial Elements In Job Satisfaction Of Special Education Teachers In Malaysia. *Turkish Journal of Computer and Mathematics Education (TURCOMAT)*, 12(11), 5229-5233.
- Allen, N.J., & Mayer, J.P. (1990). The Measurement And Antecedents Of Affective, Continuance And Normative Commitment To The Organization. *Journal of Occupational Psychology*, 63, 1-18.
- Alwi, M. A., Abdullah, A., & Luqman, A. (2022). Debt Management Literacy Among Credit Cards Users. *Linguistics and Culture Review*, 6, 42-56.
